SUATU ANALISA SOSIOLOGI POLITIK
KE ATAS
GOLONGAN KELAS MENENGAH DI MALAYSIA

( Kajian Kes di Terengganu.)

Mohd. Yusoff Bin Omar
No. Matrik; 050908.

LATIHAN ILMIAH
BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN.

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR.

SESSI 1988/89

University of Malaya

# KANDUNGAN


Pra Kata ................................i i

Sinopsis ................................ iii

BAB 1 ;

Pengenalan ........................... 1

1.2 Tujuan dan bidang kajian ........ 1

1.3 Kaedah Kajian ................... 3

1.4 Masalah Kajian .................. 5

BAB 2 ;

Klasifikasi Masyarakat Mengikut Kelas.. 8

2.1 Pengenalan ...................... 12

2.2 Makna, Pengertian, Konsep dan definasi......................... 12

BAB 3 ;

Sosio-Politik awal tahun 80an di Terengganu Sepintas lalu .......... 34

3.1 Pendahuluan ..................... 34

3.2 Propaganda Dalam Kempen Pilihanraya Umum 1986 ....................; 40

BAB 4 ;

Corak Pola-Pola Pandangan Golongan Kelas Menengah Terengganu .................... 45


University of Malaya

4.1 Muqaddimah .................... 45

4.2 Definasi .................... 45

4.3 Profail Pekerjaan dan Latar belakang Responden ........ 49

4.4 Pandangan dan Kesedaran Politik di Kalangan Kelas Menengah ...... 51

4.5 Isu Kafir Mengkafir; Satu Analisa Kajian............... 55

4.6 Politik Perkauman dan Kesannya ... 57

4.7 Kesimpulan .................... 61

BAB 5 ;

Sikap Kelas Menengah Beberapa Perbandingan Tentang Kelas Menengah ................ 62

5.1 Pengenalan .................... 62

5.2 Kesedaran Politik ............... 62

5.3 Pendidikan untuk Perkembangan Politik ........................ 64

5.4 Pandangan Terhadap Parti Politik .. 66

5.5 Politik UMNO dan PAS ............ 68

5.6 Kesimpulan .................... 72

BAB 6 ;

Kesimpulan, Cadangan dan Penutup ........ 73

6.1 Pengenalan .................... 73

6.2 Cadangan .................... 74

6.3 Teknik Membuktikan Fakta ......... 76

University of Malaya

NOTA KAKI .................................... 77

BIBLIOGRAFI .................................. 80

## PRAKATA

Alhamdulillah, dengan siapnya mini-thesis ini maka tercapailah cita-cita saya untuk turut menyumbangkan fikiran ke arah permasalahan sosiology terutama dari kalangan kelas menengah secara akademik. Walaupun kajian lebih tertumpu di Terengganu namun kajian ini juga mencerminkan suasana di tempat lain yang lebih kurang sama.

Semasa menulis kajian ilmiah ini saya telah mendapat galakan dan bimbingan serta sokongan berbagai-bagai pihak terutamanya sahabat-sahabat serta saudara mara saya sendiri. Dorongan yang tidak saya lupakan ialah kepada penyelia yang dihormati Dr. Mohd. Nor Nawawi dan juga pengkaji pantai timur Dr. Hussein Muhammad.

Saya juga amat terhutang budi kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama yang baik terhadap kajian saya ini. Juga tidak lupa untuk saya ucapkan terima kasih kepada sahabat KOPJ yang juga banyak memberi dorongan dalam menyiapkan kajian ini.

Semoga kajian yang tidak seberapa ini mendapat berkat dan diterima oleh Allah S.W.T. amin.

Mohd Yusof Omar,
Jab. Antro/Sos.
Universiti Malaya.

# PRAKATA

Alhamdulillah, dengan siapnya mini-thesis ini maka tercapailah cita-cita saya untuk turut menyumbangkan fikiran ke arah permasalahan sosiology terutama dari kalangan kelas menengah secara akedemik. Walaupun kajian lebih tertumpu di Terengganu namun kajian ini juga mencerminkan suasana di tempat lain yang lebih kurang sama.

Semasa menulis kajian ilmiah ini saya telah mendapat galakan dan bimbingan serta sokongan berbagai-bagai pihak terutamanya sahabat-sahabat serta saudara mara saya sendiri. Dorongan yang tidak saya lupakan ialah kepada penyelia yang dihormati Dr. Mohd. Nor Nawawi dan juga penyelaras pantai timur Dr. Hussein Muhammad.

Saya juga amat terhutang budi kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama yang baik terhadap kajian saya ini. Juga tidak lupa untuk saya ucapkan terima kasih kepada sahabat ROPJ yang juga banyak memberi dorongan dalam menyiapkan kajian ini.

Semoga kajian yang tidak sepertinya ini mendapat berkat dan diterima oleh Allah S.W.T. Amin.

Mohd Yusof Omar,
Jab. Antro/Soc.
Universiti Malaya.

University of Malaya

# SINOPSIS

Secara umumnya kajian ini dilakukan untuk melihat dengan lebih dekat tentang kelas menengah di Terengganu. Ia juga meliputi peranan-peranan golongan menengah dalam masyarakat dan juga gaya hidup mereka dalam masyarakat. Untuk melihat dengan lebih terperinci pengkaji telah membahagikan kajian ini kepada enam bab.

Bab pertama merupakan bab pendahuluan yang dijadikan pengantar kepada kajian ini. Ia meliputi bidang kajian, kaedah kajian dan juga masalah-masalah kajian. Bab kedua pula menerangkan klasfikasi definasi serta konsep kelas menengah. Definasi dan konsep didapati dari definasi yang diberikan oleh pengkaji terdahulu dan kini mengenai kelas menengah. Bab ketiga telah membuat analisa politik di Terengganu dalam tahun-tahun 1980an. Bab ini ditulis untuk melihat pandangan serta keterlibatan golongan menengah di arena politik di Terengganu.

Bab ke empat merupakan penerusan daripada bab ke tiga, di mana pengkaji menganalisa dengan lebih mendalam terhadap pandangan serta peranan mereka melalui borang soal selidik yang dikemukakan kepada responden.

University of Malaya

Bab ke lima, pengkaji menerangkan sikap kelas menengah dan Peribadinya mengenai politik yang meliputi parti kerjaan yang memerintah dan parti pembangkang. Bab ke enam yang merupakan bab yang terakhir, pengkaji telah menyimpulkan beberapa pandangan dari hasil kajian yang dijalankan serta juga mengemukakan beberapa cadangan yang difikirkan perlu untuk kelas menengah, agar mereka lebih berperanan kepada masyarakat dan seluruhnya kepada negara.

University of Malaya

# BAB I

## 1.1 Pengenalan

Kesedaran bahawa manusia hidup dalam berbagai peringkat-peringkat dan golongan yang berlainan wujud dalam setiap masyarakat, hatta dalam masyarakat kapitalisme, demokrasi, komunis dan lain-lain lagi. Namun lapis masyarakat tadi dapat diklasifikasikan mengikut tingkat kesedaran mereka sama ada mereka itu mempunyai nilai-nilai kebendaan mahupun nilai-nilai lain. Misalnya dalam suatu masyarakat terdapat apa yang digolongkan sebagai golongan atasan, menengah dan bawahan. Inilah yang dikatakan lapisan-lapisan sosial atau kelas sosial kerana hakikatnya ianya wujud dalam susun lapis masyarakat.

**BAB 1**

## 1.2 Tujuan dan bidang kajian

Kajian ini merujukkan kajian kes mengenai kelas menengah di Kuala Terengganu khasnya dan negeri Terengganu itu umumnya. Tujuan kajian ini ialah untuk memperolehi maklumat primary, secondary tentang peranan kelas menengah dalam bidang politik secara khususnya iaitu dengan mendekati masyarakat secara paling dekat, dapat dilihat sejauhmanakah peranan golongan

University of Malaya

# BAB I

## 1.1 Pengenalan

Kesedaran bahawa manusia hidup dalam berbagai peringperingkat dan golongan yang berlainan wujud dalam setiap masyarakat, hatta dalam masyarakat kapitalisme, demokrasi, komunis dan lainlain lagi. Susun lapis masyarakat tadi dapat diklasifikasikan mengikut tingkat kesedaran mereka sama ada mereka itu mempunyai nilai-nilai kebendaan mahupun nilai-nilai lain. Misalnya dalam suatu masyarakat terdapat apa yang digolongkan sebagai golongan atasan, menengah dan bawahan. Inilah yang dikatakan lapisanlapisan sosial atau kelas sosial kerana hakikatnya ianya wujud dalam susun lapis masyarakat.

## 1.2 Tujuan dan bidang kajian

Kajian ini merujukkan kajian kes mengenai kelas menengah di Kuala Terengganu khasnya dan negeri Terengganu itu umumnya. Tujuan kajian ini ialah untuk memperolehi maklumat primary, secondary tentang peranan kelas menengah dalam bidang politik secara khususnya iaitu dengan mendekati masyarakat secara paling dekat, dapat dilihat sejauhmanakah peranan golongan

menengah di Terengganu dalam bidang politik sama ada di jabatan-jabatan kerajaan dan juga di jabatan swasta.

Di samping itu juga akan disentuh mengenai dasar-dasar politik dan sosial kerajaan yang sedang berlaku semenjak kepimpinan Dr. Mahathir Mohammad[1]. Kajian kelas menengah agak meluas di negara-negara Eropah umpamanya Britain, Perancis, Holland dan juga Amerika Syarikat. Begitu juga di Asia seperti Malaysia, Singapura, Thailand dan juga negara-negara Blok komunis seperti Rusia, China dan Eropah Timur.

Di dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan asas pekerjaan, pendapatan dan pelajaran serta kesedaran naluri dalam menentukan seseorang itu tergolong dalam kelas-kelas tertentu.

Dari segi pendapatan, pengkaji telah menggolongkan orang-orang yang tergolong dalam kumpulan A ( terutamanya yang bekerja di sektor awam ) sebagai kelas menengah di samping golongan yang bekerja di sektor swasta. Ini berkaitan dengan pelajaran, pendapatan, pemilikan harta, gaya hidup dan lain-lain lagi. Pengkaji menggolongkan mereka yang berpendapatan $1000.00 hingga $3000.00 sebagai golongan menengah.

University of Malaya

Daripada asas penentu pendapatan itu, pengkaji telah membuat satu garis panduan dalam menumpukan kajian terhadap pegawai-pegawai kerajaan, guru-guru dan golongan profesional seperti doktor, arkitek, peguam, jurutera serta ahli perniagaan.

## 1.3 Kaedah Kajian

Kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengkaji, antaranya ialah;

### 1.3.1 Soal selidik

Kaedah inilah yang paling banyak digunakan dalam kajian ini. Soal selidik ini disediakan sebagai panduan kepada temuramah dan mencatatkan jawapan-jawapan dari responden. Soalan-soalan yang dibentuk melalui perkara-perkara berikut;

#### 1.3.1.1 Kesesuaian soal selidik.

Bersesuaian dengan konsep-konsep, teori dan sampel, adalah bersesuaian dengan penduduk yang menjadi sampel ini. Perkataan 'kesesuaian' mempunyai tiga aspek iaitu kesesuaian kepada matlamat kajian, kesesuaian soalan-soalan dengan matlamat kajian dan kesesuaian soalan-soalan kepada responden.

1.3.2 Temuramah

Kaedah ini digunakan secara lagsung dalam mendapatkan data-data yang lebih lengkap tentang perkara-perkara yang ada hubungan dengan pandangan politik masyarakat kelas menengah. Pandangan masyarakat kelas menengah terhadap parti-parti politik, ideologi dan kesan-kesan kegiatan parti terhadap masyarakat.

1.3.3 Pemerhatian

Kaedah ini juga digunakan berdasarkan fenomena yang berlaku dalam kehidupan masyarakat setempat di Terengganu. Mungkin juga teori 'Fenomenologi School' yang sering digunakan dalam teori sosiologi tidak kurang pentingnya dalam kajian ini.

1.3.4 Kajian Perpustakaan

Kaedah yang paling terkemudian digunakan selepas lain-lain kaedah untuk menguatkan lagi konsep. Di samping itu untuk pemahaman yang lebih mendalam lagi terhadap kajian yang dijalankan. Seterusnya memperolehi maklumat-maklumat dari sarjana yang memperkatakan tentang golongan kelas menengah.

University of Malaya

1.4 Masalah-masalah kajian

Dalam menyelesaikan dan melangkapkan kajian ini iaitu kelas menengah di Terengganu terdapat beberapa masalah dan kesulitan yang terpaksa dihadapi oleh pengkaji. Berikut adalah masalah-masalah tersebut;

1.4.1 Kesuntukan masa

Oleh kerana setiap kajian memerlukan masa yang panjang tetapi kerana kesuntukan masa iaitu sekitar dua bulan, maka sudah tentu perkara ini tidak dapat disiapkan dengan lebih sempurna yang mungkin.

1.4.2 Kerjasama responden

Memandangkan responden sibuk dengan tugas hariannya maka pertemuan dengan responden sering kali ditangguhkan kerana ketidakhadiran responden ketika soal selidik dan temuramah yang akan dijalankan, khususnya kepada mereka yang bekerja di sektor swasta menganggap kajian ini tidak penting dan menganggu tugasan mereka di tempat kerja.

Ada sebahagian responden takut memberi kerjasama kerana mempunyai syak wasangka yang begitu mendalam terhadap pengkaji sehingga menganggap pengkaji seolah-olah sebagai 'special branch' yang bertugas sebgai pencari maklumat.

1.4.3 Maklumat peribadi

Kesukaran mendapat maklumat peribadi juga menimbulkan kerumitan dalam kajian. Ramai responden menanggap soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh peribadi serta cara kehidupan mereka. Ini menyebabkan maklumat-maklumat yang diberi kadang-kadang tidak tepat. Ini menyebabkan pengkaji terpaksa mencari soalan-soalan yang berbentuk subjektif sebelum mengemukakan soalan yang berbentuk objektif.

1.4.4 Kewangan

Tidak ketinggallan juga terdapat masalah kewangan semasa menjalankan soal selidik, temuramah dan lain-lain. Untuk mendapat maklumat yang cepat dan memenuhi masa yang diperuntukkan, maka masalah kewangan juga terpaksa dihadapi. Ini kerana tiada peruntukan-peruntukan kewangan dari sumber lain semasa kajian ini dijalankan.

1.4.5 Masalah kejelasan dan ketepatan soalan

Kadang kadang soalan yang dikemukakan mendapat kritikan dari responden kerana tidak sesuai dengan situasi yang ada. Namun begitu segala kritikan itu pengkaji menjadikannya sebagai satu panduan untuk mengemukakan soalan-soalan yang seterusnya dalam kajian ini.

Secara peribadinya, pengkaji menganggap segala masalah yang dihadapi dalam penyeledikan ini, khusunya dalam soal selidik, temuramah dan pemerhatian serta penyertaan. Itu merupakan suatu perkara yang mesti dihadapi sebagai seorang penyelidik lebih-lebih lagi seorang analisis sosiologis yang mengkaji masyarakat secara lebih akedemik.

University of Malaya

## 2.0 KLASSIFIKASI MASYARAKAT MENGIKUT KELAS.

### 2.1 Pengenalan

Dewasa ini, kajian tentang kelas menengah masih tidak begitu mendapat perhatian di kalangan para ilmuan, ahli akedemik, pemikir dan kalangan ahli masyarakat di Malaysia, khususnya dan masyarakat dunia amnya.

Namun begitu, usaha-usaha ke arah itu telah pun dilakukan dan beberapa kajian tentang kelas telah dihasilkan oleh beberapa orang pengkaji.

Pada hakikatnya golongan kelas menengah merupakan golongan yang memainkan peranan yang penting dalam susunlapis sesuatu masyarakat. Sememangnya ini adalah suatu penyataan yang tidak dapat dinafikan meskipun kedapatan ramai pengkaji yang memperkatakan akan kepentingan golongan bawahan dan atasan. Namun lipatan sejarah dan zaman telah memperlihatkan hakikat yang sebenarnya.

Definasi politik/sosiologi politik

Definasi politik/sosiologi politik. Perkataan sosiologi politik, 'adalah merupakan satu disiplin mengkaji kehidupan sosial dan kehidupan politik iaitu hubungan antara politik dan masyarakat antara struktur sosial dan struktur politik dan juga antra tingkah laku sosial dengan tingkah laku politik.(3)

Ini merupakan definasi yang mahu pengkaji menjadikannya inti kajian dalam latihan ilmiah ini, memandangkan tajuk latihan ini merupakan kajian ke atas politik secara khusus terhadap golongan kelas menengah. Pengkaji memikirkan definasi di atas sudah cukup memberi penjelasan terhadap kajian ini.(4)

Kelas menengah secara relatifnya bukanlah bahan yang penting jika dibandingkan dengan kelas bawahan dan atasan. Di sini pengkaji akan cuba memberikan satu definasi kelas menengah berdasarkan kepada apa yang cuba ditakrifkan oleh Ayatullah Muthadhari dan juga Raynor. Raynor mensifatkan kelas menengah adalah sebagai satu kelas yang memperolehi banyak kelebihan dan kemudahan berbanding dengan kelas sosial yang lainnya.

Muthadhari berpendapat bahawa kelas merupakan satu bentuk kesedaran sosial, suatu kesedaran diri dalam hubungannya dengan tingkatan sosial seseorang.(5) Kesedaran kelas di sini, tegasnya merupakan suatu kesedaran yang

berorentasikan keuntungan kerana ianya didasarkan kepada falsafah keuntungan materialistik merupakan landasan ciri-ciri individu dan bertindak sebagai kekuatan utama yang ada pada dirinya.

Dalam hal ini Raynor mengatakan bahawa;

> "..........There is an apparent assumption that we all know that the middle class is substantially advanteged by the reward system in western industrial societies, that is dominantes economics, political and cultural institutions......."[6]

Melihat kepada bilangan kajian yang menumpukan kepada kelas menengah ternyata ianya adalah masih di tahap yang terlalu awal sehinggakan kelas menengah telah ditafsirkan sebagai suatu kelas sosial yang menimbulkan 'enigma' kepada para pengkaji yang berminat. Ini adalah kerana pada realitinya kelas menengah sememangnya diakui mendominasikan kedudukan-kedudukan penting dalam bidang sosial, ekonomi dan politik dalam kontek masyarakat moden kini. Malahan dalam hal ini penulis lebih cenderung untuk menyatakan bahawa bidang politik adalah amat penting dalam menentukan iklim politik di negara ini. Ini adalah kerana sebahagian besar kelas menengah terlibat secara aktif dan langsung dalam pentadbiran kerajaan.

Judith Nagata mendapati bahawa walaupun perbezaan besar mengenai kekayaan dan kekuasaan sedan wujud di Malaysia,

University of Malaya

" Kebanyakan rakyat Malaysia agak tidak berapa sedar tentang perbezaan kelas dari segi pandangan orang Barat"(7). Seterusnya beliau mendapati bahawa di kalangan pekerja pun, "rasa persamaan yang mengatasi garis-garis etnik tidak banyak di Malaysia."(8)

Bagaimanapun didapati satu jenis konflik kelas mungkin timbul. Oleh kerana itu, perlulah dijalankan penyelidikan memandangkan ianya mungkin penting pada masa akan datang; perbezaan dalam kumpulan etnik dan khususnya perbezaan kelas di kalangan Melayu.(9)

Dengan modenisasi yang berlaku dalam masyarakat kita sekarang, perbezaan kelas di kalangan orang Melayu boleh menjadi penting dari segi politik pada tahun-tahun yang akan datang.(10)

Penglibatan secara langsung ataupun tidak langsung oleh badan-badan swasta, persatuan dan lebih-lebih lagi golongan elit ahli perniagaan dalam aktiviti politik negara menguatkan lagi kecenderungan penulis.

Kajian-kajian mengenai kelas menengah khasnya di Malaysia mempunyai kepentingan yang besar kerana;

2.1.1 Anggota-anggota kelas menengah adalah mendominasikan institusi-institusi politik yang ...

secara umumnya adalah meliputi pentadbiran awam dan bidang-bidang sosial yang lain seperti persatuan kebajikan dan amal, persatuan pengguna dan sebagainya.

2.1.2 Golongan menengah, secara relatifnya adalah majoriti dalam masyarakat masa kini terutamanya dalam bidang pendidikan tinggi.

2.1.3 Adanya anggapan bahawa golongan atau anggota kelas menengah masih tidak begitu diberi perhatian oleh masyarakat kita.

2.1.4 Struktur pentadbiran negara begitu bergantung kepada golongan kelas menengah. Oleh itu soal-soal pentadbiran negara sama ada swasta mahupun kerajaan dapat dijalankan dengan lebih licin dan teratur serta sistematik.

## 2.2 Makna, Pengertian, Konsep dan Definisi

Pengertian serta kefahaman akan konsep 'kelas menengah' bukan suatu perkara yang dapat dilihat secara fizikal. Ia lebih merupakan suatu konsep yang abstrak serta memerlukan

University of Malaya

kepada kefahaman yang jelas disebabkan konsep tersebut masih lagi menjadi suatu perkara yang diperbahaskan serta dibincangkan di peringkat para sarjana, pemikir dan ahli akademik.

Dalam hal ini bagi tujuan kajian kes, pengkaji merasakan boleh menggunakan sekurang-kurangnya dua pendekatan atau beberapa definasi yang konkrit dalam rangka memahami kelas menengah dengan lebih jelas.

Raynor mendefinasikan kelas menengah sebagai kumpulan sosial yang mempunyai "similar attitudes anad beliefs, linked to a common style of life, among members of a class"(11)

Manakala menurut seorang ulama Iran, Ayatullah Murthadha Muthadhari, walaupun beliau tidak menyatakan secara jelas pengertian kelas menengah, namun kita masih lagi dapat mengertikan apa yang dimaksudkan akan kesedaran kelas, dimana individu-individu merasakannya secara sedar ataupun tidak sedar bahawa dimanakah tingkat sosial seseorang individu itu. Jelasnya di sini, apa yang cuba dijelaskan oleh beliau agak bersamaan dengan apa yang didefinasikan oleh Raynor, cuma pendefinasian oleh Murthada Muthadhari lebih bersifat umum.

Dari definasi oleh sarjana Barat dan Timur Tengah ini, pengkaji merasakan kedua-duanya mempunyai banyak persamaan

University of Malaya

dan tidak memerlukan penekanan yang lebih dari itu. Kedua-dua definasi tersebut menjadi suatu landasan kepada pengkaji untuk mencadangkan agar definasi dari kaca mata sarjana Barat dan Timur Tengah itu diterima sebagai suatu nuklies atau titik permulaan dalam kajian ini.

### 2.2.1 Siapakah Golongan Kelas Menengah ?

Persoalan mengenai siapakah mereka yang terdiri dari golongan kelas menengah, akan pengkaji kupaskan berdasarkan berbagai pendapat ahli-ahli ataupun pakar dalam pengkajian bidang golongan kelas menengah. Untuk melihat dengan lebih jelas, kajian tentang golongan kelas menengah ini akan berdasarkan kepada tiga tahap pengkajian iaitu tahap masa lampau, masa kini dan masa yang akan datang.

Jadual 2.1 di muka sebelah memperlihatkan wujudnya kecenderungan untuk menyenaraikan golongan kelas menengah berdasarkan faktor kebendaan atau sektor ekonomi.(12) Sekiranya pengkelasan yang dicadangkan diterima, maka dapat ditunjukkan secara mudah bahawa komposisi kelas menengah berubah mengikut masa di mana corak pekerjaan telah banyak mengalami perubahan.

2.2.2 Tulisan-tulisan Tentang Kelas dan Kelas Menengah.

Umumnya terdapat dua pendekatan atau teori utama yang mempunyai pengaruh terhadap sebarang tulisan dan catatan mengenai kelas menengah. Teori tersebut ialah teori atau pendekatan yang diperkenalkan oleh Karl Marx dan teori Max Weber.

Kedua-dua mereka di atas adalah tokoh yang tidak asing lagi kepada pengkaji-pengkaji ilmu atau bidang sosiologi. Kedua-duanya merupakan tokoh utama pengkajian sosiologi dan sesungguhnya latihan ilmiah ini tidak boleh melarikan diri dari menerima pengaruh teori mereka dalam hal-hal yang memerlukan penganalisaan.

Karl Marx dalam mengupas pendekatannya tidak memaklumkan dengan secara jelas mengenai konsep kelas menengah. Apa yang dikonsepsikan oleh Karl Marx hanyalah mengenai kewujudan kelas-kelas bourgeouis dan proleteriat.

Apa yang dimaksudkan oleh Karl Marx tentang kelas perantaraan hanyalah merujuk kepada suatu kelas sementara yang akan mempolerasasikan diri mereka dengan kedua-dua kelas bourgeis dan ploretariat tadi.

Sementara itu teori Max Weber juga mempunyai relevansi dalam penganalisaan pengkaji di mana konsep-konsep penting seperti kelas, status akan dianalisakan. Pengkaji juga agak tertarik dengan seorang lagi ahli sosiologi iaitu Dr. Ali Shariati, seorang sarjana yang berasal dari Iran. Beliau mengelompokkan kelas kepada dua golongan iaitu golongan Mustadafin dan golongan Mustakbirin.

Max Weber telah mengikuti Karl Marx dalam memberi tumpuan kepada kelas-kelas menengah iaitu melihat dari segi ekonomi. Cuma persamaan teori Marx dan Weber terpisah dalam penganalisaan bahawa kelas oleh Marx mementingkan kelas sosial dalam kontek pasaran buruh dan tenaga kerja. Weber dalam analisanya yang disunting oleh J.E.T. Eldridge, 'kelas' diertikan sekumpulan orang yang mempunyai status kelas yang serata.(13) Menurut Weber, terdapat beberapa jenis kelas yang diperolehi;

i. Sesuatu kelas itu dikatakan merupakan kelas berharta bila mana status kelas untuk semua ahli-ahli dalam kelas tersebut oleh kepunyaan sejumlah harta benda.

ii. Sesuatu kelas itu dikatogorikan kelas mengumpul bila status sosial untuk semua ahli-ahli dalam kelas, itu ditentukan oleh peluang-peluang

yang tersedia untuk ahli-ahli itu mengeksplotasi perkhidmatan-perkhidmatan di pasaran.

iii. Kelas sosial merujuk kepada pelbagai status-status kelas yang terjadi akibat dari interaksi majmuk antara individu-individu yang membendung berbagai jenis kelas itu.

Dalam teori Weber mengenai konsep beliau memperkatakan bahawa sesuatu kelas yang mempunyai harta benda dan berhak istemewa mempunyai kelebihan-kelebihan berikut;

i. Ahli-ahlinya dapat memonopolikan pembelian barang-barang mahal dan mewah.

ii. Mereka mungkin mengdominasi peluang-peluang memperolehi barang-barang ekonomi dengan mengamalkan dasar monopoli mereka.

iii. Mereka mungkin memonopolikan peluang-peluang pengumpulan harta benda dengan menggunakan lebihan kekayaan yang diperolehi mereka.

iv. Mereka mungkin merasai peluang-peluang simpanan beku untuk perbanyakkan pelaburan mereka.

v. Mereka mungkin memonopoli peluang-peluang untuk taraf pendidikan berbanding dengan orang lain.

Berbanding dengan kelas atasan yang telah dinyatakan di atas ialah kelas yang tidak mempunyai kekayaan yang dianggap setanding dengan golongan berada. Weber membahagikan golongan yang tidak mempunyai keistemewaan ini kepada empat kumpulan;

i. Individu-individu yang dimiliki oleh golongan berada (tidak bebas).

ii. Individu-individu yang dianggap tidak berkelas.

iii. Kelas menghutang

iv. Golongan miskin.

Aubrey Weinberg dan Frank Lyons, dalam ulasan mengenai tulisan Weber telah memperkatakan mengenai 'kelas' dan 'status' yang dikonsepsikan oleh Weber. Konsep-konsep 'kelas' dan 'status' yang diperkenalkan oleh Weber perlu menitik beratkan "......the community aspect of status and its estimation according to honour and orest egefactors. Throughuot his analysis there is close overlap between his status and class characteristics.' (14) Dengan demikian kedua-dua penulis ini telah menyarankan

agar penggunaan istilah-istilah 'kelas' dan 'status' haruslah diperlihatkan dalam ke rangka yang luas dan jitu.

### 2.2.3 Teori Kelas Menengah Mengikut Pandangan Sarjana-sarjana Barat lain.

Teori kelas menengah juga banyak diperkatakan oleh para sarjana Barat yang lainnya, antaranya ialah;

#### 2.2.3.1 John Raynor

Raynor(15) menyatakan bahawa istilah 'kelas menengah' telah mula mendapat perhatian di negara-negara Eropah dalam dekad 1800 apabila Eropah mula mengalami perubahan dan pertukaran akibat Revolusi Perindustrian. Revolusi ini merupakan suatu faktor penggalak yang telah membawa perubahan-perubahan yang radikal kepada struktur dan komposisi masyarakat Eropah yang berfahaman kapitalis.

Golongan kelas menengah baharu sahaja muncul dan ini pula telah disalah tafsirkan oleh Marx sebagai golongan yang diresapi oleh kedua-dua kelas bourgeois dan proletariat.

Akan tetapi menjelang awal abad ke 20, jelaslah bahawa anggapan Karl Marx jauh meleset.

Raynor telah memperlihatkan perkembangan atau fenomena golongan kelas menengah itu adalah bersifat bebas dalam mana mobilisasi atasan daripada tahap bawahan adalah mudah kerana pada asasnya, konsep kelas menengah itu sendiri tidak pula mendefinasikan dengan jelas dan tepat apakah yang harus dipilih dan siapakah yang tidak harus dipilih sebagai golongan kelas menengah.

Raynor juga telah mengindentifikasikan kelas menengah sebagai suatu kelompok yang mempunyai "...similar attitude and beliefe, linked to acommon style of life, among members of a class.(16)

Oleh yang demikian, sesuatu kumpulan sosial dikatakan sebagai suatu kelas sosial pada mana-mana peringkat selagi ianya mempunyai kesedaran kesamaan dalam aspek-aspek sikap, gaya hidup, kepercayaan dan lain-lain

persamaan.

Raynor juga menegaskan bahawa ciri-ciri kelas menengah yang mana ianya merupakan satu kelas sosial yang tidak mempunyai batas yang dapat dirasai atau dilihat secara fizikalnya.

2.2.3.2 Guglielmo Carchedi

Beliau telah menulis tentang kelas menengah baru dalam tulisannya dengan cara memberikan pengertian kelas menengah ini berasaskan kepada perhubungan-perhubungan pengeluaran dalam kontek negara-negara kapitalis maju yang dikatakan meningkat ke tahap monopoli. Beliau juga telah menyenaraikan perbezaan-perbezaan golongan kelas menengah lama dan kelas menengah baru dalam tulisannya. Berikut adalah ciri-ciri kelas menengah lama;

i. Merupakan pemilik ragam pengeluaran yang sebenar dan sah.

ii. Mereka mengusahakan kedua-dua fungsi modal dan pekerja.

iii. Fungsi modal adalah yang paling dominan.

iv. Fungsi pekerja adalah sentiasa dieksploitasi.

v. Merupakan golongan orang-orang yang menjalankan eksploitasi dan mempunyai kepentingan atau kekuasaan modal.

Golongan kelas menengah baru pula mempunyai ciri ciri seperti berikut;

i. Mereka tidak mempunyai ragam pengeluaran.

ii. Fungsi global modal adalah tidak dominan.

iii. Mereka menjalankan fungsi-fungsi modal dan pekerja.

iv. Fungsi modal adalah kurang dominan kerana mereka tidak memiliki ragam pengeluaran yang menyebabkan proses penindasan kurang effektif.

v. Tidak menjalankan eksploitasi.

vi. Separuhnya memiliki kepentingan modal dan separuhnya lagi memihak kepentingan pekerja.

2.2.3.3 N. Abercrombie dan John Urry.

Kedua sarjana ini telah memperkatakan tentang masalah asas yang dihadapi dalam sosiologi masa kini iaitu permasalahan mengenai kedudukan kelas bagi kumpulan-kumpulan kelas buruh dan modal. Ini dikatakan sebagai satu problema yang memerlukan kecenderungan minat serta perhatian para pengkaji semasa yang mana Urray dan Abercrombie telah membandingkan beberapa buah buku yang ditulis oleh pengkaji-pengkaji sosiologi mengenai ini. Urray mendefinasikan bahawa "...classes are to be viewed as entities prosessing casual power and that sosiological investigation has to examine the interdependence between these different social forces which possess such powers. We believe that much class analsying is relatively less important than analying the forms of einters dependence and struggle both between classes and between other distintive social forces."(17)

Urray membahaskan terdapat kelainan istilah dan pengertian dahulu ( abad ke 18 - 19 ), tidak selari dengan istilah menengah yang digunakan. Menurut Cisborne (1785) beliau menggunakan istilah kelas menengah dalam merujuk kepada "....the propertied and largely entre preheurial class located between landowners on the one hand and urban industrial workers and agricultural labourer on the other, in a society undergoing transition."(18)

Kelas menengah kini pula dikatakan sebagai memenuhi "white collar occupations, from higher professioneks to relatively routine clerical worker".(19)

2.2.3.4 Dale L. Johnson.

Buku yang paling terbaru mengenai kelas menengah ialah oleh penulis Dale L, Johnson. Dalam bukunya, Johnson mengatakan bahawa peranan yang paling aktif oleh kelas menengah terutamanya di negara-negara dunia ketiga adalah amat penting yang mana ianya banyak menentukan corak kepimpinan politik di negara negara tersebut. Beliau mengambil contoh dari

pada negara Amerika Latin, iaitu Brazil, Argentina, Chile dan lain-lain lagi. Masing-masing pernah mengalami desakan perubahan sos sosial dari elemen-elemen kelas menengah. Brazil (1964) dan Argentina (1966) telah memperlihatkan campur tangan tentera yang mana tindakan tentera itu disifatkan sebagai berunsurkan kepentingan kelas menengah. Hal yang sama berlaku di Peru dari tahun 1968 hingga 1974.

Johnson mengatakan bahawa kerajaan komunis di Afghanistan memperlihatkan pergolakan di antara golongan ikhtisas dan golongan 'functionaries' manakala di negara-negara yang mengamalkan falsafah Soveit, golongan 'bureacsatie functionaries have tranformed them selves into a new kind of ruling class.'[20]

Kenyataan terdahulu dapat digunakan bagi menerangkan peranan yang dimainkan oleh kelas menengah di negara-negara Dunia Ketiga yang mana golongan ini akan menentukan setiap



University of Malaya

perubahan sosial yang berlaku.

Oleh itu, Johnson menyifatkan bahawa pembentukan kelas menengah disifatkan sebagai suatu proses sejarah yang mempunyai perbezaan perbezaan kawasan dan geografi (nasional). Dengan anggapan bahawa kalau menengah harus dipandang sebagai suatu proses sejarah, maka Johnson telah menghujahkan tentang politik golongan kelas menengah di kalangan masyarakat di negara-negara dunia ketiga.

2.2.3.5 Oliver Popenoe

Beliau telah menjalankan satu kajian kajian sosiologi di Semenanjung Malaysia yang mana para responden yang dipilih adalah usahawan-usahawan Melayu. Sekiranya diambil asas ukuran yang dipakai oleh Fauzi di atas, maka kajian Popenoe juga merupakan satu kajian mengenai kelas menengah iaitu khususnya mengenai satu kumpulan ekonomi dalam masyarakat tertentu dalam konteks di Malaysia. Popenoe telah memperlihatkan bahawa nilai-nilai budaya, keperibadian dan proses-proses sosialisasi secara langsungnya mempengaruhi personaliti para

usahawan-usahawan itu. Dalam kesnya, Popenoe memperkatakan tentang usahawan-usahawan tempatan itu boleh di dapati di bandar-bandar utama di Semenanjung Malaysia dan mereka merupakan satu kumpulan yang digolongkan mengikut kejayaan-kejayaan mereka dalam sektor perniagaan. Oleh itu Popenoe mensyorkan unit ukuran yang paling sesuatu bagi mendapatkan klassifikasi mengenai kelas menengah di kalangan usahawan-usahawan Melayu ialah penglibatan secara langsung dalam kegiatan perniagaan mereka dan setakat manakah mereka itu berjaya mengerjakan perniagaan mereka.

Sementara satu kumpulan lagi dikatogerikan sebagai kurang gigihm kurang berjaya dan kurang innovatif. Kumpulan usahawan yang bersikap lebih positif dikatakan memperolehi untung dan memperluaskan perniagaan mereka secara besar-besaran. Sebaliknya kumpulan yang kedua, lebih bersikap negatif. Mereka mengalami kerugian dan memerlukan bantuan khussusnya dari kerajaan. Demi memahami mengapa perkara ini terjadi, Popenoe telah memperlihatkan mengenai latar belakang peribadi

dan keluarga, jenis pendidikan peribadi, gaya hidup, isteri, nilai-nilai peribadi dan jenis jenis pengalaman para ushawan Melayu itu. Berdasarkan kajiannya, beliau telah menyimpulkan ciri-ciri mengenai kelas menengah usahawan Melayu seperti berikut;

Usahawan yang berjaya;

i. Berasal dari keluarga peniaga dan keluarga kelas atasan.

ii. Latar belakang sosio-ekonomi yang baik.

iii. Berasal dari bandar.

iv. Menerima pelajaran Inggeris.

v. Dapat bertutur dalam sekurang-kurang satu lagi bahasa asing.

vi. Pernah bekerja dulu untuk mendapatkan pengalaman dan dalam bidang perniagaan.

vii. Lambat berkahwin.

viii. Mempunyai hubungan-hubungan erat dengan peniaga-peniaga bangsa lain dan

ix. Isteri berpendidikan tinggi.

Ushawan yang kurang berjaya;

i. Kurang mendapat pendidikan formal

ii. Terlibat dalam perniagaan tradisional

iii. Kahwin lebih awal.

iv. Tidak dapat bertutur dalam bahasa asing dan

v. Lebih bergiat dalam aktiviti keagamaan.

2.2.4 Catatan-catatan Kelas Menengah Oleh Ahli Akedemik Tempatan.

Para akedemik tempatan pun tidak kurang penting nya peranan mereka di dalam memkaji dan mengupas persoalan kelas menengah. Berikut adalah beberapa pandangan ringkas dari mereka Yang mengkajinya;

2.2.4.1 Nordin Selat

Nordin Selat[21] telah membahaskan secara konkrit tentang siapakah, peranan dan tempat golongan kelas menengah Melayu di dalam thesis-nya Ph.d yang bertajuk 'Kelas Menengah Pentadbir Melayu; Satu kajian Perkembangan Gaya Hidup.'

Buku ini menghuraikan gaya hidup golongan menengah terutama golongan pentadbiran di kalangan masyarakat Melayu secara khususnya di Malaysia. Bermula dari zaman penjajahan British sehinggalah negara mencapai kemerdekaan

dan menuju ke era pembangunan.

Secara umumnya kajian beliau telah menunjukkan beberapa ciri utama kelas menengah Pentadbir Melayu, antaranya ialah;

i. Kelas pentadbir sering dianggap sebagai golongan yang peka kepada kedudukan sosial mereka.

ii. Gaya hidup kelas pentadbir banyak dipengaruhi oleh pendidikan Inggeris dan masih terumbang ambing dalam menentukan gaya hidup tersendiri.

iii. Mereka ini boleh dikatakan hidup sederhana mewah, serba mencukupi malahan kedapatan setengah-setengahnya dapat memobilisasi strafikasi sosial yang lebih atas.

2.2.4.2 <u>Muhammad Fauzi Yaakub</u>

Beliau juga merupakan seorang pengkaji tempatan yang memberi penumpuan khas kepada golongan menengah Melayu iaitu sektor yang difokaskan ialah golongan peniaga dan usahawan Melayu di Kota Bahru, Kelantan. Bilangan responden yang dipilih ialah seramai 186

orang yang mana responden-responden itu ditanyakan soalan yang bertujuan untuk memahami orientasi dan profail mereka sebagai anggota kelas menengah. Oleh yang demikian, dalam hal ini Fauzi menjalankan kajian yang mempunyai matlamat yang hampir sama dengan Nordin Selat yang telah menghuraikan perkara di atas. Akan tetapi perbezaan yang utama diantara kedua-dua pengkaji ini ialah jenis responden yang dikaji, iaitu Nordin Selat mengkaji anggota kelas menengah dari kalangan pentadbir Melayu manakala Fauzi pula mengkaji kelas menengah peniaga dan usahawan Melayu.

Walaupun kedua-dua kumpulan responden yang dikaji adalah tergolongan dalam kumpulan ekonomi yang berbeza, akan tetapi pada dasarnya kedua-dua kumpulan pentadbir dan peniaga adalah golongan kelas menengah. Ini adalah sebabnya pengkaji telah memasukkan tulisan tulisan Nordin Selat dan Fauzi sebagai tulisan yang membicarakan golongan kelas menengah.

Tesis Fauzi telah memperkatakan tentang corak perniagaan yang dipunyai oleh usahawan-usahawan

di Kota Bahru di mana ia menetukan corak hidup dan perbelanjaan responden. Pada hakikatnya, beliau juga telah memperkatakan tentang pemisahan hal hal perniagaan dengan hal ehwal keluarga. Dalam mengelolakan perniagaan mereka, para responen juga bergaul rapat dengan elit politik. Oleh yang demikian, akibat dari perhubungan-perhubungan perniagaan ini, maka beliau telah berusaha menghujjahkan tentang perhubungan sosial yang berlaku antara peniaga dan usahawan Melayu itu secara langsungnya pula digunakan untuk memperlihatkan keadaan sosio-ekonomi yang lebih baik di kalangan peniaga dan usahawan itu.

Seperti yang dijalankan oleh Nordin Selat, tesisi Fauzi juga cuba memperlihatkan bagaimana corak hidup peniaga dan usahawan itu dipengaruhi oleh keadaan kelas mereka dan bagaimana mereka sebagai satu kelas ekonomi, bertindak secocok dengan kesedaran kelas mereka.

University of Malaya

### 2.2.5 Kesimpulan

Pengkaji di dalam perbincangan ini telah membahagikan teori-teori dan konsep-konsep kelas menengah kepada beberapa bahagian utama, iaitu teori sarjana Barat, teori sarjana Timur Tengah dan akhir sekali teori sarjana tempatan.

Diharapkan pembaca dapat mengenal pasti serta memahami persoalan teori secara jelas supaya dapat memberi kemudahan untuk mendalami bab-bab yang seterusnya.

University of Malaya

## 3.0 SOSIO-POLITIK AWAL TAHUN '80AN DI TERENGGANU SEPINTAS LALU.

### 3.1 Pendahuluan

Latar belakang politik negeri Terengganu sememangnya tidak asing kepada setengah-tengah politkus di negeri Terengganu khasnya dan Malaysia amnya. Dalam sejarah politik negeri Terengganu, negeri ini pernah dikuasi oleh dua buah parti yang begitu berpengaruh dalam masyarakat iaitu UMNO dan Parti Islam SeMalaysia (PAS).

Parti UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) telah lama menguasai pemerintahan negeri Terengganu berbanding PAS. Namun begitu kedua-dua parti tersebut tidak asing lagi kepada penduduk Terengganu.

Pada awal tahun lapan pulohan, satu pilihanraya umum telah diadakan pada April 1982 di mana khasnya di Terengganu berlaku pertembungan yang begitu sengit antara UMNO dan PAS dalam mendapatkan majoriti undi dari rakyat yang terlibat.

Kedua-dua parti ini telah meletakkan semua calon mereka dalam setiap kerusi Undangan Negeri dan Parlimen.



University of Malaya

Kecenderungan sebegini berlaku disebabkan kedua-dua parti bertanding menyakini mempunyai pengaruh yang kuat dan mantap dan seterusnya dapat memenangi kerusi kawasan tersebut.

Pada 15hb. April 1982, kedua-dua parti tersebut telah memperhebatkan menjalankan jentera pilihanraya masing-masing. Pun begitu, keputusan pilihanraya adalah begitu mengejutkan kerana PAS sebagai parti pembangkang telah berjaya menawan 5 kerusi Dewan Undangan Negeri, walaupun ianya kalah dalam semua kerusi Parlimen. Implikasinya ia telah menghapuskan penguasaan sepenuhnya oleh Barisan Nasional khasnya UMNO yang sebelum ini telah menguasai seluruh kawasan Dewan Undangan Negeri dan Parlimen. Ini memperlihatkan tanda-tanda bahawa pengaruh PAS begitu menonjol pengaruh dan mula menampakkan keupayaannya yang selama ini ditenggelami oleh pengaruh UMNO. Penulis berkeyakinan bahawa kemenangan PAS menguasai sebilangan kecil kerusi Undangan Negeri adalah hasil dari kepimpinan dan pengaruh ugama yang dibawa oleh tokoh PAS yang berwibawa dan menonjol iaitu Ustaz Haji Abdul Hadi Awang. Dengan pendidikan tinggi agama yang diperolehi disamping karisma kepimpinan serta kehebatannya berhujah dan berpidato yang disulami dan didasarkan ayat al Quran dan Hadis memberi kekuatan yang mantap kepada jentera pilihanraya PAS untuk bergerak ke seluruh negeri Terengganu khasnya dan Semenanjung Malaysia amnya.

Ditinjau dari segi kelebihan undi dalam pilihanraya 1982,(22) jelas didapati perbezaan undi majoriti yang kecil antara PAS dan UMNO. Purata kelebihan undi sekitar antara 3000 hingga 100 sahaja. Pengkaji berpendapat bahawa corak politik Terengganu cenderung berlaku ketidak stabilan kemenangan dan kekalahan antara parti yang memerintah dengan parti pembangkang.

Pada keseluruhannya, Barisan Nasional yang diwakili oleh UMNO, MCA dan MIC telah memperolehi kemenangan besar dalam pilihanraya tersebut. Ini telah memberikan tamparan hebat kepada PAS untuk terus berjuang memenangi hati rakyat Terengganu.

Penemuan telaga minyak di Terengganu juga merupakan suatu era baru bagi pemerintahan di Terengganu untuk memenangi rakyat Terengganu. Mungkin ini merupakan salah satu faktor mengapa negeri ini telah berjaya ditawan oleh kerajaan Barisan Nasional.

Pada tahun 1986 sekali lagi ujian untuk mendapatkan mandat pemerintahan di negeri ini teruji. Ini kerana pada tahun tersebut satu pilihanraya umum telah diadakan di seluruh Semenanjung Malaysia. Dalam pilihanraya tersebut, parti UMNO, MCA di pihak kerajaan turut menyertai pilihanraya dan seperti selalunya PAS merupakan parti tunggal yang menentang parti pemerintahan Barisan Nasional di Terengganu.



University of Malaya

Pilihanraya kali ini memperlihatkan hampir keseluruhan kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen dikuasai oleh parti pemerintah. Hanya dua kawasan Dewan Undangan Negeri iaitu kawasan Rhu Rendang yang dimenangi oleh Ustaz Abdul Hadi Awang dan kawasan Wakaf Mempelam yang dimenangi oleh Saudara Mustafa Ali.

Banyak ramalan-ramalan yang dibuat sebelum pilihanraya bahawa PAS akan memberi tentangan yang hebat dan berkemungkinan menumbangkan kerajaan Barisan Nasional begitu meleset sekali. Ini kerana ramai penyokong PAS yang terlalu ghairah untuk menyatakan keyakinan bahawa mereka akan menang besar memandangkan kepada kepimpinan dan kewibawaan Hj. Abdul Hadi Awang yang begitu meluas terutamanya di Terengganu khasnya dan Malaysia amnya.

Keyakinan ini semakin bertambah apabila melihat kedapatan golongan pelajar terutamanya dari pelbagai Institusi Pengajian Tinggi yang turut sama membantu PAS berkempen untuk mendapatkan sokongan padu rakyat Terengganu.

Walaupun PAS di Terengganu mengalami kekalahan yang agak teruk pada pilihanraya 1986, namun dengan adanya kepimpinan Ustaz Abdul Hadi Awang, mereka terus berusaha untuk memperolehi kemenangan dengan melancarkan berbagai program yang begitu berkesan untuk menguatkan pengaruh mereka. Bersesuaian

dengan PAS yang kepimpinannya bertungakkan kepimpinan ulama', pengaruh Islam semakin menyerlah dengan adanya program-program Islam di merata-rata tempat di negeri itu, terutamanya di daerah Marang sendiri. Malah boleh dikatakan kekuatan PAS sebagai parti pembangkang sentiasa digeruni oleh pihak pemerintah.

Menjelang akhir tahun 80an ini pastinya suatu pilihanraya akan diadakan lagi yang sekaligus akan menguji kewibawaan UMNO era Mahathir. Kegawatan suasan politik akhir-akhir ini yang telah memperlihatkan perpecahan yang begitu teruk dalam UMNO sendiri sehinggakan mewujudkan pelbagai kem dan 'team'. Dalam kegawatan beginilah wujudnya golongan UMNO yang pro kepada kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah untuk memimpin UMNO dan satu lagi pro kepada Mahathir.

Implikasinya membawa rentetan peristiwa seterusnya sehingga menyebabkan UMNO diharamkan berikutan kegagalannya memenuhi Akta Pertubuhan. Seterusnya peristiwa ini memunculkan UMNO baru pimpinan Dr. Mahathir dan kumpulan Semangat '46 yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Perpecahan begini turut memberi implikasi kepada kekuatan dan keseimbangan parti-parti di dalam Barisan Nasional bagi menghadapi pilihanraya umum yang menurut pendapat kebanyakan penganalisa politik terutamanya pihak parti pembangkang bahawa pilihanraya akan diadakan pada bila-bila masa sahaja dalam tahun 1989 ini.

Era kepimpinan Dr. Mahathir kini di ambang kegelapan dan ini menunjukkan kekuatan UMNO agak mudah untuk ditembusi akibat dari percakaran dan perpecahan sesama sendiri. Kemenangan Dato' Shahrir Abdul Samad dalam pilihanraya kecil Johor Baharu setelah beliau meletakkan jawatan sebagai ahli Parlemen Johor Baharu dan bertanding semula sebagai calon bebas bagi menguji kewibawaan UMNO Dr. Mahathir telah memberi tamparan yang hebat kepada UMNO baru ini. Kebanyak pemerhati politik yang mengulas kekalahan UMNO ini sebagai bukti kemerosotan UMNO di bawah pimpinan Dr. Mahathir malahan turut mengambarkan penolakkan begitu ramai rakyat Johor Baharu terhadap satail dan kepimpinan Dr. Mahathir sendiri.

Semangat '46 yang merupakan serpihan atau tegasnya golongan dari UMNO lama yang telah berpecah menjadi dua kem. Perbalahan yang runcing ini bertambah-tambah dengan adanya tiga pilihanraya kecil di kawasan Parlimen Johor Baharu, Dewan Unadangan Negeri Parit Raja dan yang akhir kawasan Ampang Jaya, Selangor.

Di Parit Raja sendiri kita dapati walaupun parti bebas yang berjuang melalui Semangat '46 mengalami kekalahan tetapi ternyata wujud persaingan yang hebat dari golongan UMNO '46 yang diketuai oleh Dato' Musa Hitam.

Mungkin satu hal yang perlu diberikan perhatian mengenai pilihanraya yang akan datang. Satu persoalan yang mena-

rik di sini ialah keupayaan Barisan Nasional mempertahankan kekuasaan dua per tiga kerusi Parlimennya di Malaysia. Dengan wujudnya suasana politik yang begitu kritis pada masa sekarang memungkinkan kepada parti pembangkang untuk bergabung dengan ahli UMNO lama bagi menjatuhkan Dr. Mahathir. Team Razaleigh dan Dato' Musa Hitam sudah pasti akan mencari jalan ke arah ini demi masa depan survival politik mereka sendiri.

Pilihanraya umum akan datang paling lewat dijangka akan diadakan pada tahun 1990 dan paling awal pada pertengahan 1989. Namun apa yang berlaku pada masa kempen pilihanraya yang kini semakin bercelaru memungkinkan segalanya berlaku.

## 3.2 Propaganda Dalam Kempen Pilihanraya Umum 1986.

Perkataan propaganda berasal dari perkataan Latin iaitu 'propagare' yang membawa makna 'satu proses penyemaian ranting tanaman untuk pertumbuhan tunas dan ranting yang lebih banyak.' Kini, perkataan propaganda lebih difahami sebagai satu proses yang cenderung kepada tipu daya secara halus untuk mempengaruhi pendapat, pemikiran dan perlakuan mangsanya. Menurut F.C. Bartlett, propaganda ialah ' usaha untuk mempengaruhi pendapat dan tingkah laku - istemewanya pendapat sosial dan perlakuan - dalam keadaan kelakuan seseorang menerima pendapat-pendapat dan tabiat tanpa

membuat apa-apa penyelidikan untuk mencari sebab.'(23)

Seperti parti pembangkang, Barisan Nasional (BN) juga tidak ketinggalan dalam menggunakan teknik-teknik tertentu dalam menghadapi pilihanraya 1986. Beberapa orang pemimpin tertinggi UMNO cuba merendahkan imej PAS di kalangan orang Melayu. PAS sebagai sebuah parti yang berideologikan Islam dalam perjuangan nya telah dituduh oleh BN sebagai parti yang mementingkan pilihan-raya, kerusi parlimen dan Dewan Undangan Negeri semata-mata dengan mempergunakan Islam sebagai Ketua Pemuda UMNO Pusat ketika itu, telah mengkritik PAS ysng dulunya benci kepada orang Cina yang berkawan rapat dengan UMNO, tetapi sekarang mereka berkasih sayang dengan orang-orang Cina semata-mata kerana mahu memenangi pilihan-raya.(24) Begitu juga Ketua Menteri Melaka, Dato' Sri Abdul Rahim Thamby Chik telah menuduh PAS sebagai penghalang kepada pembangunan dan lebih sukakan perpecahan. Beliau mengatakan;

> " Banyak pembangunan yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan tergendala kerana adanya golongan yang suka melihat perpecahan daripada pembangunan yang boleh menyatukan mereka."(25)

Demikian antara teknik tuduhan menyeluruh yang cuba memaparkan keburukan parti-parti tertentu dengan harapan agar para pengundi akan mempercayai tanpa banyak soal jawab.

Teknik yang selanjutnya ialah pemberian pengakuan (endorsement) oleh anggota masyarakat yang mempunyai prestij yang tinggi dan dikenali ramai terhadap apa yang dipropagandakannya.

Dr. Mahathir kerap kali merayu kepada orang ramai agar menyokong ideanya supaya jangan memberi undi kepada pihak pembangkang yang selama ini gagal membela nasib rakyat dan mereka sentiass menghabiskan masa dengan mengkritik kerajaan di Dewan Rakyat. Selepas beroleh kemenangan besar dalam pilihanrayanya itu Dr. Mahathir dengan taksub dan takburnya mengulas;

> " Kemenangan besar BN sebagai bukti kerajaan mengamalkan dasar-dasar yang betul dan segala tuduhan rasuah dan penyelewengan yang dilemparkan terhadap para pemimpinnya dibuat untuk kepentingan politik semata-mata."(26)

Menjelang pilihanraya umum, setiap hari sama ada do akhbar, radio ataupun tv., dapat dilihat dan didengari kenyataan kenyataan pemimpin kerajaan yang mempersenda-sendakan dan memperkecil-kecilkan parti pembangkang sera cuba memberikan gambaran buruk kepada parti dan idea mereka.

Teknik yang sama dijalankan oleh parti pembangkang dengan cara bersatu dan menubuhkan barisan pembangkang yang dikenali sebagai 'Harakah Keadilan Rakyat' yang mengabungkan

parti-parti PAS, PSRM, SDP dan NasMa. DAP tidak menyertai barisan pembangkang ini kerana tidak bersetuju dengan prinsip PAS yang mahu menegakkan negara Islam.

Teknik propaganda terakhir yang digunakan oleh parti-parti bertanding dalam usaha mendapatkan sokongan ramai ialah dengan mengulang sama ada slogan parti, ideologinya, pendapatnya sendiri dan mendedahkan keburukan parti lawan dengan bertubi-tubi.

Pelbagai slogan direka oleh parti pemerintah seperti 'Tradisi Membela Rakyat', 'Kearah Masa Depan Yang Lebih Cemerlang', 'BN Pembela Rakyat', 'Bersih,Cekap,Amanah' dan berbagai lagi yang terpampang di akhbar-akhbar harian. Sementara parti pembangkang pula menggunakan slogan yang tersendiri seperti 'Nafikan Majoriti 2/3', 'Enough is Enough' dan sebagainya.

Walaupun propagan dilakukan secara meluas dan berentetan, namun begitu bukan semua mereka yang terdedah dengan kegiatan tersebut akan menurut apa sahaja yang disarankan oleh pihak propagandis. Masih ada orang yang sukar dipengaruhi walaupun digunakan berbagai cara sekalipun kecuali paksaan kekerasan di sebabkan mereka bebas untuk membuat kenyataan. Golongan ini sebenarnya cenderung telah menentukan sendiri parti mana yang akan diundi dan keputusan pilihanraya itu bukan sahaja

berdasarkan keberkesanan teknik propaganda yang telah dijalankan semata-mata, tetapi ia hanyalah sebahagian dari faktor-faktor ter-penting yang lain. Pun begitu tidak dapat dipisahkan daripada kempen untuk meminta persetujuan ramai agar berkata 'YA' kepada apa saja yang disarankan.

University of Malaya

## 4.0 CORAK POLA-POLA PANDANGAN POLITIK GOLONGAN KELAS MENENGAH NEGERI TERENGGANU.

### 4.1 Muqaddimah

Perhahasan dan diskusi setakat ini memberikan satu tanggapan dan penafsiran teori yang dapat penjelasan umum mengenai kerangka golongan kelas menengah.

Setakat ini kerangka teori dan pandangan politik d dalam bab-bab yang lalu telah memberi satu gambaran agak jelas dalam usaha-usaha kita meneruskan penganalisaan dan pengumpulan data seterusnya.

Bab ini akan menumpukan sepenuhnya terhadap profail pekerjaan para responeden. Pada asasnya kajian melibatkan dua sektor utama iaiatu sektor awam dan sektor swasta. Pengkaji telah membuat beberapa andaian yang memungkinkan berlaku beberapa interpertasi tentang perkara-perkara penting seperti berikut;

i. Para responden sektor awam mempunyai pengetahuan am dan isu-isu semasa yang berlaku dalam negara dan sensitif mengenai dasar dan kerajaan dan politik Malaysia.

ii. Para responden mempunyai pendidikan yang tinggi iaitu sekurang-kurangnya STPM, Diploma, Ijazah Sarjana serta Ph.D.

iii. Bahawa sistem politik di negara ini telah difahami sejelas-jelasnya yang mana kerangka dan jaringan serta pergolakan politik Malaysia berlaku.

vi. Oleh kerana responden dianggap mempunyai pengetahuan yang agak tinggi tentang setiap kenyataan dan tanggapan dianggap boleh difahami oleh pembaca.

v. Sekiranya berlaku yang sebaliknya dari tanggapan iaitu hasil dari analisa data yang mana hipotesis atau andaian salah atau tidak benar. Pengkaji akan cuba menerangkan mengapa berlaku percanggahan sikap atau pandangan dan menunjukkan faktor-faktor yang membawa kepada mengenai keadaan itu.

vi. Penumpuan akan diberikan kepada definisi politik secara khusus dan kandungan serta kaitannya dengan golongan menengah.

University of Malaya

4.2 Definisi

Ilmu politik sering disifatkan sebagai pengetahuan sistematik mengenai negara. Aristotle telah mencipta istilah ini sebagai ilmu komuniti. Oleh itu tidak hairan bahawa hampir semua para pemikir politik sejak dahulu hingga masa kini sering memerhatikan masalah kewujudan dan kemajuan negara.

Politik ataupun pengalaman politik biasanya berkaitan dengan kegiatan-kegiatan yang berakar umbi pada masalah pengubahan, penerusan dan pemeliharaan susunan, urusan dan keperibadian sesebuah negara. Dengan kata lain, politik sentiasa sahaja timbul bilamana ketidaksetujuan atas maslah-masalah pokok yang menyentuh pemerintahan, perhubungan antara negara dengan rakyat, kebajikan am, keadilan sosial, keselamatan negara dan sebagainya.(27)

Manakala menurut Prof. Mirian Budiarjo mendefinisikan politik sebagai bermacam-macam kegiatan dalam suatu sistem politik yang menyangkut proses-proses menentukan tujuan-tujuan dari sistem itu dan melaksanakan tujuan-tujuan itu.(28) Politik selalu menyangkut tujuan-tujuan dari seluruh masyarakat ( public goals) dan bukan peribadi seseorang (private goals).

Terdapat perbezaan dalam definasi yang kita temui disebabkan kerana setiap sarjana hanya menumpukan perhatian pada satu aspek dari kajian politik keseluruhannya. Aspek itu digunakan sebagai asas untuk mengkaji aspek=aspek politik lainya. Dari huraian diatas jelaslah bahawa unsur-unsur politik termasuklah;

i. Negara

ii. Kekuasaan

iii. Pengambilan keputusan

iv. Kebijaksanaan

v. Pembahagian.

Menurut Rogers F. Soltau dalam 'Introduction to Politics' mengatakan bahawa " Ilmu politik adalah mempelajari negara, tujuan-tujuan negara dan lembaga-lembaga yang akan melaksanakan tujuan-tujuan itu, hubungan antara negara dengan warganegaranya serta dengan negara-negara lain".(29)

Seorang lagi sarjana politik yang bernama J.Barents(30) mendefinasikan sebagai " Ilmu politik adalah ilmu yang mempelajari kehidupan negara....yang merupakan bagian dari kehidupan masyarakat, juga politik mempelajari negara-negara itu melakukan tugas-tugasnya....".

Jadi pengkaji telah memberi penjelasan yang panjang lebar mengenai definasi politik seperti yang tertera di atas. Pengkaji mengharapkan penyelidik dan pembaca berpuas hati dengan definasi politik yang diberikan.

4.3 PROFAIL Pekerjaan Dan Latar belakang Responden.

Jumlah responden yang dipilih adalah seramai 40 orang. Pemilihan ini dibahagikan kepada dua sektor yakni sektor kerajaan dan swasta. Pengkaji memilih jumlah jumlah responden lebih banyak daripada sektor swasta iaitu 22 orang dan selebihnya dari sektor kerajaan. Pengkaji berbuat demikian memandangkan kedua-dua sektor tersebut begitu berperanan dalam politik negara. Berikut ditunjukkan jumlah responden yang dikaji dari jadual bawah;

JADUAL 4.3.A

| | A | B | C |
|---|---|---|---|
| Sektor Awam (%) | | | |
| N = 18 | 13 (72.2%) | 4(22.2%) | 1(5.6%) |
| sektor Swasta (%) | | | |
| N = 22 | 13(59.1%) | 7(31.8%) | 2(9.1%) |
| Sektor (%) | | | |
| N = 40 | 26(65.0%) | 11(27.5%) | 3(7.5%) |

Nota; A = Melayu
B = Cina
C = India

Dalam jadual-jadusl yang seterusnya, pengkaji akan menggunakan A,B dan C sebagai rujukan kepada katogori-kategori responden yang berlainan dalam data-data itu.

Daripada 18 responden dari sektor awam, 13 orang (72.2%) adalah terdiri dari keturunan Melayu, 4 orang (22.2%) adalah dari keturunan Cina manakala seorang((5.6%) adalah dari keturunan India. Oleh yang demikian bilangan yang paling ramai dipilih adalah dari keturunan Melayu. Hal ini sama juga dalam sektor swasta iaitu seramai 13 orang adalah dari keturunan Melayu, 7 orang (31.8%) dari kaum Cina dan 3 orang (9.1%) adalah dari kaum India. Tujuan latihan ilmiah ini adalah untuk mendapatkan perbandingan antara golongan kelas Melayu, golongan menengah Cina dan India. Pengkaji akan menggolongkan responden India dan Cina dalam satu set responden yang akan dikenali sebagai responden bukan Melayu.

Secara puratanya, bilangan responden Melayu di sektor kerajaan adalah seramai 13 orang (72.2%) kerajaan adalah seramai 13 orang (72.2%) berbadding dengan bilangan bukan Melayu di sektor kerajaan seramai 5 orang yakni (27.8%). Manakala di sektor swasta pula bilangan responden Melayu seramai 13 orang orang (59.1%) juga, sedangkan responden bukan Melayu seramai 9 orang (40.9%).

Oleh yang demikian kita akan buat perbandingan antara satu golongan responden Melayu dengan bukan Melayu. Salah satu sebab mengapa bilangan respinden Melayu yang dipilih lebih ramai kerana negeri Terengganu mempunyai majoriti penduduknya adalah dari kaum Melayu. Daripada jumlah responden yang dipilih bahawa jelas kepada kita kumpulan etnik yang paling besar adalah dari kumpulan Melayu.

## 4.4 Pandangan dan kesedaran Politik Di kalangan Kelas Menengah.

Para responden ditanya sudah beberapa kali mereka menyertai atau mengambil bahagian dalam pilihanraya. Kebanyakan responden telah mengundi sebanyak 2 kali iaitu 10 orang (25%) sebanyak 3 kali, 6 orang (15%) sebanyak 4 kali dan selebihnya belum pernah mengundi dalam sebarang pilihanraya.

Dalam soalan yang berbunyi " Dalam persatuan politik antara PAS dan UMNO, siapakah yang berada di pihak yang benar? Didapati ramai responden tidak berani, tidak dapat memberikan suatu kepastian yang jelas.

Hampir 60% daripada responden yang ditanyakan tidak menyatakan pendirian mereka secara jelas malahan dan responden tidak menjawab soalan yang dikemukahan. Imi

Menyatakan pendirian mereka secara jelas malahan ada responden tidak menjawab soalan yang dikemukan. Ini kerana tanggapan responden mengenai soalan akan menyentuh isu-isu yang sensitif yang boleh menyinggung satu-satu pihak. Dari soalan "Dalam persatuan politik antara PAS dan UMNO, siapakah berada di pihak yang benar ?". Pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa majoriti penduduk negeri Terengganu mempunyai prinsip ' atas pagar' kerana sebilangan besar responden memberi jawapan yang tidak begitu menyakinkan pengkaji, yang mereka berdiri di atas pagar, tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Jadual 4.B; Penyertaan Responden Dalam Parti Politik.

| | Penyertaan dalam parti politik | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Melayu | | Cina | | India | |
| | ada | tiada | ada | tiada | ada | tiada |
| Kump.A | 11 (68.8%) | 0 | 5 (31.2%) | 0 | 0 | 0 |
| Kump.B | 0 | 19 (79.2%) | 0 | 3 (12.6%) | 0 | 2 (8.4%) |
| Jumlah | 11 | 19 | 5 | 3 | 0 | 2 |

Di kalangan responden Melayu menunjukkan seramai 19 orang (79.2) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.2, adalah dari kalangan mereka yang tidak menyertai sebagang parti sama ada UMNO mahupun PAS. Ini menunjukkan walaupun mereka mempunyai kesedaran dalam politik namun mereka tidak melibatkan secara langsung dalam parti politik.

Di pihak yang melibatkan diri dalam parti politik di kalangan orang-orang Melayu, hanya seramai 11 orang (68.8%) sahaja dari keseluruhan responden Melayu yang mana menurut mereka penglibatan mereka secara aktif dalam parti-parti politik disebabkan jawatan-jawatan yang dipegang mereka di dalam sesebuah organisasi politik itu.

Walaupun bilangan responden yang terlibat secara aktif dalam parti politik adalah lebih kecil berbanding dengan yang tidak terlibat secara langsung, namun dikatakan tahap kesedaran politik adalah tinggi di kalangan masyarakat kaum Melayu di negeri Terengganu kerana kepekaan mereka terhadap keadaan politik tanahair.

Sementara kumpulan bukan Melayu, pengkaji tidak mengulas kerana bilangan yang tidak ramai dan pengkaji merasakan ianya tidak dapat menggambarkan keadaan yang sebenar memandangkan jumlah responden yang tidak ramai.

Seterusnya pengkaji diteruskan mengenai soalan yang dikemukakan berbunyi, "Adakah anda bersetuju dengan isu kafir mengkafir ? Soalan ini agak sensitif namun begitu pengkaji dapat menunjukkan keadaan beberapa kesimpulan yang mampun menunjukkan keadaan beberapa responden yang dikaji. Ini ditunjukkan dalam rajah paksi 4.C ;

Jadual 4.C ; <u>Apakah anda bersetuju dengan isu kafir mengkafir ?</u>

| | A | B | C |
|---|---|---|---|
| 1. Golongan yang bersetuju | 5 (12.5%) | 0 | 0 |
| 2. Golongan yang tidak bersetuju | 21 (52.5%) | 0 | 0 |
| JUMLAH | 26 (65.0%) | | |

Nota;

A ; Orang Melayu
B ; Orang Cina
C ; Orang India.

University of Malaya

4.5 Isu Kafir Mengkafir; Satu analisa Kajian.

Bilangan responden yang telah ditemubual dapat diperlihatkan menyatakan pendirian masing-masing mengenai isu kafiir mengkafir. Hasil kajian soal selidik di mana semasa kajian ini dijalankan, isu ini begitu hangat diperkatakan di kalangan masyarakat Terengganu. Keadaan ini disebabkan oleh suasana politik yang bergolak agak hebat antara parti UMNO dan PAS. (31)

Pengkaji membahagikan para responden kepada dua kelompok golongan iaitu responden yang bersetuju dan tidak bersetuju dengan isu kafir mengkafir. Terdapat satu pihak yang secara terang-terang tidak bersetuju dengan isu kafir mengkafir diketengahkan ke dalam masyarakat. Mereka memberi alasan bahawa isu ini bileh membawa perpecahan di kalangan umat Islam khasnya yang memandang isu ini begitu sekali sensitif dan amat ditakuti dalam masyarakat Islam. Jumlah responden yang tidak bersetuju dengan isu kafir mengkafir ialah seramai 21 orang (52.2%). Responden ini menjawab 'Tidak'.

Manakala seramai 5 orang (12.5%) dari keseluruhan responden yang dikaji. Responden ini bersetuju dengan isu kafir mengkafir dijadikan atau diketengahkan dalam masyarakat memandang kan isu ini penting dibangkitkan dalam masyarakat supaya diselesaikan oleh anggota masyarakat dari dibiarkan isu ini berlarutan.

Dengan ini wujud satu kontra dan pro dalam isu ini. Ini juga menunjukkan wujud perselisihan dan perbezaan pendapat, seterusnya berlakunya perpecahan masyarakat. Namun pengkai menganggap para responden (golongan kelas menengah) dari tinjaunn yang dibuat menunjukkan, secara umum menerima pendapat majoriti responden tidak menerima isu tersebut sebagai suatu patut diterima atau ditolak isu kafir mengkafir dijadikan bahan politik dalam perjuangan antara parti-parti UMNO dan PAS.

Di kalangan responden ada yang berpendapat bahawa soal kafir mengkafir adalah merupakan hukum Allah dan tidak perlu seseorang itu menuduh dan meningkatkan atau mengungkitkan soal isu kafir lagi. Responden juga berpendapat dengan alasan bahawa persoalan isu kafir mengkafir tidak perlu dibahaskan dan dibesar-besarkan oleh mana-mana pihak. Rasullullah dalam sejarah, menurut responden tidak mengkafirkan seseorang tanpa bukti yang kukuh dan tepat.

Di dalam analisa kajian juga terdapat responden menentang isu kafir mengkafir iaitu seramai 6 orang (15%). Mereka mengatakan perpaduan umat Islam akan berkecai sekiranya parti-parti politik menjadikan isu kafir mengkafir yang amat sensitif ini sebagai alat propaganda politik mereka.

Selebihnya para responden tidak bersetuju dengan isu kafir mengkafir tapi tiada alasan yang konkrit disebabkan

mereka sendiri tidak memahami secara mendalam tentang isu ini.

Suatu hal yang agak menarik kepada pengkaji yang terdapat responden bukan Muslim memberi jawapan mereka tidak faham langsung dengan isu kafir mengkafir ini. Ini menyebabkan responden diandaikan oleh pengkaji keseluruhan responden bukan Muslim tidak tahu menahu tentang isu ini serta masalahnya.

Pengkaji memikirkan perbicaraan persoalan ini agak panjang berbanding dengan persoalan lain melihatkan kepada kepentingan isu ini terutama para pengkaji dan pembaca politik di Terengganu. Pengkaji menganggap semua responden yang dikaji mempunyai pendidikan yang tinggi.

## 4.6 Politik Perkauman dan Kesannya.

Anggapan pengkaji adalah isu perkauman juga diberi perhatian memandangkan negara Malaysia merupakan negara yang berbilang bangsa, agama dan warna kulit. Di samping itu terdapat atau wujudnya parti-parti politik di Malaysia begitu aktif menarik kaum masing-masing menyertai parti kaum masing-masing.(32)

Parti-parti seperti UMNO,PAS,HAMIM,BERJASA dan sebagainya menjadi tumpuan golongan Melayu. Begitu juga dengan parti-parti Cina dan India. Adalah menjadi kebimbangan pengkaji, jika hal ini berterusan akan membawa suatu kesan buruk sepertimana berlakunya peristiwa 13 Mei 1969.[33] Isu perkauman yang menjadi sebab utama terjadi tragedis atau tragedi itu.

Jadual 4.D Pandangan Responden Terhadap Kepentingan Kaum oleh Parti.

| | A | B | C | D |
|---|---|---|---|---|
| Soalan 1 | 15 (37.5%) | 3 (7.5%) | 12 (30%) | 10 (25%) |
| Soalan 2 | 18 (45.0%) | 1 (2.5%) | 10 (25.0%) | 11 (27.5%) |
| Soalan 3 | 18 (45.0%) | 0 ( - ) | 14 (35%) | 8 (20) |
| Jumlah | 51 (127.5%) | 4 (10%) | 36 (90%) | 8 (20%) |

Nota; sila lihat sebelah.

University of Malaya

Soalan 1 ; Pada pendapat anda, adakah MCA /GERAKAN memperjuangkan kepentingan kaum Cina ?

Soalan 2 ; Pada pendapat anda, adakah MIC memperjuangkan kepentingan kaum India ?

Soalan 3 ; Pada pendapat anda, adakah UMNO memperjuangkan kepntingan kaum Melayu ?

Jawapan ;

A = 'YA'

B = 'TIDAK'

C = 'TIDAK PASTI'

D = 'TIDAK TAHU'

Para responden telah mencirikan sikap mereka yang secara keseluruhan menunjukkan bahawa mereka apabila ditanyakan tentang politik perkauman. Terdapat responden paling ramai iaitu 15 orang (37.5%), 18 orang (45%) dan 18 orang (45%) mengatakan ketiga-tiga parti terbesar iaitu UMNO, MCA /GERAKAN dan MIC. Responden mengatakan ketiga-tiga buah memperjuangkan kepentingan kaum-kaum masing-masing.

University of Malaya

Sementara responden menjawab 'TIDAK' terdiri seramai 4 orang (10%). Bilangan ini menggambarkan kepada pengkaji, bahawa parti-parti terbesar di Malaysia, masih terikat dengan trend politik perkauman.

Hasil kajian, diatas, pengkaji mengandaikan parti-parti UMNO, MCA /GERAKAN. Responden mengatakan ketiga-tiga buah memperjuangkan kepentingan kaum-kaum masing-masing. Oleh itu, isu perkauman masih menjadi isu terbesar dalam arena politik tanahair.(34) Langkah-langkah tertentu perlu diambil untuk memperbetulkan keadaan.

Salah satu faktor utama berlakunya isu perkauman ialah hasil dan peninggalan penjajah British. Walaupun kita telah 30 tahun lebih merdeka tapi kesan-kesan peninggalan masih dirasai oleh masyarakat kita, lebih-lebih lagi dari segi politik di mana parti-parti campurtangan atau memperhitungkan sentimen-sentimen dan sikap perkauman yang sedia wujud di kalangan rakyat. Namun, pihak elit politik dalam UMNO, MIC, MCA dan GERAKAN hendak memikul satu tanggungjawab yang suci bagi merumuskan suatu konsep kerakyatan, kenegaraan beridentitikan Malaya yang bersatupadu buat masa depan.(35)

4.7 Kesimpulan.

Pengkaji telah menganalisa dan mendalami data kajian hasil kajian soal selidik. Terdapat penyerlahan ciri-ciri tertentu dan dibuktikan melalui data-data kajian. Oleh itu segala kajian telah ditunjukkan melalui analisa data. Pengkaji mengandaikan segala kajian dapat difahami.

University of Malaya

5.0 SIKAP KELAS MENENGAH BEBERAPA PERBANDINGAN TENTANG KELAS MENENGAH.

5.1 Pengenalan.

Dalam bab ini pengkaji akan memperbandingkan kajian ini dengan kajian-kajian lain. Dua buah buku yang juga dibuat satu perbandingan ialah 'Pandangan Politik dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) Secara Umum (Kajian kes di Bandar Ipoh, Perak)' dan buku atau kajian lagi iaitu 'Kelas Menengah; Satu Kajian di Pulau Pinang Dari Segi Persepsi Politik, Sosio-Ekonomi dan Interaksi Sosial'.

Dari keterangan yang telah dijelaskan tadi di atas, pengkaji akan melihat suatu kerangka perbandingan antara kajiannya dengan kajian-kajian lain, mengenai kelas menengah. Pengkaji juga akan menyentuh isu-isu mengenai politik dan ekonomi yang saling berkait antara satu sama lain.

5.1 Kesedaran Politik

Dalam bab 4 yang lalu, pengkaji telah menganalisa secara terperinci. Pengkaji berpendapat itu mempunyai tingkat

University of Malaya

kesedarannya,, walaupun dalam masa yang sama terdapat para responden yang enggan menjawab soalan secara terbuka tentang Pendirian mereka kerana memandangkan kedudukan mereka dan juga kerana ketidaksamaan menyatakan secara terbuka tentang isu-isu politik negara. Hipotesisi ini kerana ia memberikan gambaran jelas tentang peranan kelas menengah dalam era politik tanahair.

Ini hampir sama dengan apa yang telah diutarakan oleh satu kajian kelas menengah di Pulau Pinang. Pengkaji akan menggunakan istilah kajian A bagi kajian kelas menengah di Pulau Pinang, sementara kajian B untuk kajian kelas menengah di Ipoh, Perak. Dalam kajian di Pulau Pinang, parti-parti kumpulan Cina menguasai seluruh pentadbiran negeri, umpamanya parti MCA, DAP dan GERAKAN . GERAKAN misalnya, telah diberikan mandat untuk memegang kuasa di Pulau Pinang melalui pilihanraya. Ini adalah sesuai dengan hasil kajian atau jumlah responden yang dikaji di Pulau Pinang adalah 80% terdiri daripada kaum Cina.

Sementara kajian di Kuala Terengganu majoritinya melibatkan kaum Melayu dan dari segi kesedaran politik juga tinggi. Ini berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji dalam bab yang lepas. Penguasaan politik di Terengganu dipegang oleh golongan Melayu yang diwakili oleh UMNO yang begitu lama memerintah Terengganu dan penentang terkuatnya ialah PAS yang

University of Malaya

telahpun bertapak di Terengganu itu sendiri. Jadi sukar kepada parti-parti lain untuk mengambil alih tradisi pertembungan antara parti PAS dengan UMNO. PAS dalam sejarah perjuangannya masih lagi tidak berjaya menguasai satu pertiga kerusi Dewan Undangan Negeri Terengganu dalam sebarang pilihanraya sebelum ini kecuali pada tahun 1959.

## 5.2 Pendidikan Untuk Perkembangan Politik.

Perkembangan politik boleh ditafsirkan dalam berbagai cara tetapi memadailah delam kontek ini ianya diertikan sebagai sautu pembentukan negara yang bersatu padu. Walaupun konsep bersatu padu ataupun integrasi telah banyak dikupas dan agak terang maknanya namun konsep ini masih lagi kabur dan tidak jelas di negara ini.(36)

Pendidikan di sini merupakan suatu kaedah politik yang harus digunakan kepada pelajar supaya menyedari akan kepentingan dalam perkembangan politik tanahair. Ini berdasarkan kepada pandangan para responden menunjukkan sikap positif terhadap pentingnya pelajaran politik. Sehubungan dengan ini, bila ditanya ' Sejauhmanakah anda mahu anak anda berjaya dalam pelajaran? Keseluruhannya mengatakan pelajaran adalah begitu penting dan ini dapat dilihat apabila mereka menjawab inginkan anak mereka

maju hingga ke peringkat Universiti.

Di Malaysia, sejak merdeka dan timbul pendemokrasian pendidikan. Pendemokrasian ini dapat dilihat dari sudut iaitu dari segi kuantitatif dan kualitatif. Dari segi kuantitatif, tidak dinafikan peluang pendidikan telah bertambah berlipat ganda.

Di samping itu, peluang-peluang pelajaran adalah lebih banyak dan tidak lagi terkongkong kepada hanya satu golongan tertentu atau jantina sahaja. Dari segi kualitatif, pelajaran melibatkan seseorang dalam proses politik seperti menghormati undang-undang, mengundi dalam pilihanraya, kebebasan bertutur dan menulis serta lainya.[37]

Pengkaji berhasrat bahawa pendidikan negara harus dihubungkaitkan dengan politik tanahair. Jadi, pengkaji mengsyorkan supaya pelajaran pendidikan politik sepatutnya diperkenalkan di peringkat sekolah sama ada rendah atau menengah dan sewajarnya pada peringkat institusi pengajian tinggi. Ini memandangkan wujudnya kesedaran melalui pendidikan, begitu memberi kesan yang positif ke arah mencapai tahap kesedaran politik dan memanfaatkan seluruh tenaga rakyat suapaya cintakan negara. Seterusnya membangkitkan suatu masyarakat yang berkualiti dengan lahirnya pemimpin-

University of Malaya

pemimpin hasil pendidikan negara melalui pelajaran politik.

5.3 Pandangan Terhadap Parti Politik.

Sistem pemerintahan Malaysia adalah sistem demokrasi berparlimen, berpandukan undang-undang yang digubal dalam Dewan Parlimen. Demokrasi merupakan teras utama dalam membenarkan kewujudan pelbagai parti politik di negara ini.

Selain dari parti-parti dalam Barisan Nasional yang membentuk kerajaan, wujud juga beberapa gagasan parti politik pembangkang contohnya DAP, PAS, PSRM dan lain-lain lagi parti. Dalam Barisan Nasional selain daripada tiga parti utama yang mendalanginya iaitu UMNO,MCA,MIC dan beberapa parti politik lain turut membentuk BN iaitu GERAKAN, SUPP, SNAP, PESAKA, PBS, USNO, BERJAYA, BERJASA, HAMIM dan beberapa lagi parti kecil.(38)

Pada bahagian ini, pengkaji akan menumpukan pandangan golongan kelas menengah terhadap parti-parti di Malaysia terutamanya pada kekuatan pengaruhnya pada masyarakat Terengganu khususnya dan pada masyarakat Malaysia amnya. Pandangan mereka yang dibuat kajian adalah meliputi perjuangan parti-parti tersebut serta kelemahan yang ada pada setiap parti itu.

Golongan kelas menengah ini sedar bahawa kekuasaan politik boleh menentukan nasib mereka. Mereka juga tidak dapat menafikan kepentingan dalam mempengaruhi aktiviti harian mereka. Mengenai hal ini, Dr. Firdaus Abdullah seorang pensyarah Sains Politik Di Universiti Malaya(39) telah menegaskan bahawa manusia hidup di dalam suasana yang politikal sifatnya. Penegasan ini menggambarkan bahawa semua manusia termasuklah golongan kelas menengah memberikan pemerhatian sama ada serius atau tidak mengenai hal-hal politik di dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Dari kajian yang dijalankan didapati seramai 32 orang (80%) responden dari golongan kelas menengah tidak menyatakan secara jelas pendirian mereka sama ada menyokong ataupun terlibat secara langsung dalam mana-mana parti politik. Ini berbeza dengan satu kajian di Perak yang mendapati seramai 24 orang (80%) responden dari kelas menengah bersetuju dan berpandangan bahawa Barisan Nasional menjadi pilihan mereka.

Pengkaji berpandangan responden di Terengganu memberikan jawapan yang tidak jelas mengenai parti yang disokong, dan ini memberikan gambaran bahawa suatu sikap kelas menengah yang tidak dapat melepaskan diri dari pengaruh dasar politik kerajaan yang tidak membenarkan terutamanya mereka yang berkhidmat dengan kerajaan tidak dibenarkan melibatkan diri dengan

politk secara langsung.

5.4 Politik UMNO dan PAS.

UMNO dan PAS adalah dua buah parti yang terbesar dan kuat pengaruhnya di Terengganu sama ada ia bergelora ataupun tidak, ianya telah banyak mempengaruhi corak iklim politik di Terengganu. Mengapakah UMNO menjadi musuh utama PAS? Persoalan ini sering menjadi tandatanya dalam diskusi politk Terengganu.

PAS merupakan sebuah parti politik yang memperjuang penubuhan sebuah negara Islam dengan era kepimpinan ulamanya serta menghapuskan segala bentuk pemerintahan sekular yang ada di Malaysia. Oleh itu pada pilihanraya yang lepas (1982 & 1986) PAS telah mengetuai satu pakatan barisan parti pembangkang dengan cogankata " Kurangkan dua per tiga majoriti BN dalam Parlemen." Pada tahun 1982, PAS telah mengetuai gagasan parti-parti pembangkang, iaitu PAS, DAP, SDP, PSRM, dan NasMa untuk membentuk Harakah Keadilan Rakyat (HAK) atau Barisan Pembangkang akhirnya tidak mencapai matlamat sebagaimana yang diharapkan. Parti-parti tersebut hanya dapat mewujudkan suatu pakatan kerjasama tanpa DAP, sebuah parti pembangkang yang disokong bulat oleh masyarakat Cina.

Kegagalan ini merupakan satu tamparan hebat terhadap projek parti-parti pembangkang khususnya parti PAS untuk menunjuk-

kan prestasi yanglebih baik dari pilihanraya umum 1982 turut berkecai.(40)

Bagi golongan kelas menengah hasil kajian mengkaji menunjukkan apa yang dibawa oleh PAS menurut sebahagian responden mengatakan PAS terlalu ekstrim agama yang melampaui agama Islam itu sendiri. Mereka mengatakan bahawa sebagai sebuah parti yang memperjuangkan dakwah Islam iaitu menegakkan negara Islamiyyah, PAS sepatutnya mengambil kira masyarakat di Malaysia yang terdiri dari berbagai ras,etnik dan berbilang bangsa.

Seterusnya ada juga golongan responden kelas menengah mengatakan perjuangan PAS tidak praktikal. Ini dimaksudkan ialah PAS yang hanya pandai mengemukakan teori-teori yang bagus tetapi dalam melaksanakan teori itu begitu lemah sekali sehingga ada pengikut-pengikut PAS tidak bermoral dan berakhlak. Jadi bagaimana PAS hendak dijadikan wadah perjuangan dakwah Islam, sedangkan ahli-ahlinya tidak mengkotakan apa yang dikatakan.

Ada juga sebahagian responden kelas menengah menegaskan bahawa PAS memperjuangkan nilai-nilai keagamaan tapi terlalu emosional dan ekstrim terhadap ideologi tertentu secara drastik. Ini bermakna PAS mungkin ingin meniru Islam secara ala Iran dalam memperjuangkan Islam, memandangkan kejayaan Iran

sendiri dalam revolusinya. Golongan ini menyatakan di Malaysia di Malaysia perlaksanaan Islam secara drastik tidak dapat dilaksanakan di Malaysia dalam suasana masyarakat Islam di sini masih ramai yang tidak memahami Islam yang sebenarnya. Sepatutnya PAS harus mengutamakan dakwah Islamnya dahulu daripada melampaui kepada politik sahaja.

Sementara itu, parti UMNO sendiri ketika ini telah mengalami konflik dalaman yang besar. Ini ekoran berlakunya pertentangan beberapa pimpinan UMNO yang berebut pengaruh dan kuasa. Keputusan Mahkamah Tinggi mengharamkan UMNO apabila antara pihak pertentangan gagal menyelesaikan kes tersebut di luar mahkamah.

Berikutan dengan itu berlaku perpecahan yang ketara dalam UMNO itu sendiri sehingga mewujudkan team-team . Kedua team iaitu team Mahathir ( team A ) dan team Tengku Razaleigh ( team B ) telah menerima keputusan pemilihan pada 24hb.April 1987 itu sebagai suatu yang demokratik. Dalam kes mereka itu kumpulan 11 itu hanya meminta mahkamah mengistiharkan pemilihan 24hb. tersebut tidak sah dan satu pemilihan baru perlu diadakan semula, tetapi kes ini diputuskan oleh hakim Mahkamah Tinggi, Dato' Harun Hasyim pada 4hb. Febuari 1988 yang mengistiharkan melebihi apa yang diminta oleh kumpulan 11 orang itu.(41)

Pada 12hb. Febuari 1988 itu, pendaftaran pertubuhan mengistiharkan bahawa UMNO yang diistiharkan bahawa UMNO yang diasaskan pada 11hb. Mei 1946 sudah dibatalkan pendaftarannya. Suatu mengumumkan penubuhan UMNO ( Baru) pada 16hb. Feb., Dr. Mahathir memberitahu bahawa penerimaan 1.4 juta anggota UMNO lama ke dalam UMNO Baru bukan secara automatik.(42)

Peristiwa yang berlaku ke atas UMNO telah mencorakkan suasana politik baru dan begitu meruncingkan sehingga ke hari ini masih terdapat golongan yang mahu menghidupkan UMNO lama yang diketuai oleh Tengku Razaleigh. Pertembungan antara ahli-ahli UMNO ini akhirnya membawa kesan yang buruk sehinggakan berlaku Perpecahan perpaduan umat Melayu pada masa kini, terutama di Kelantan, Johor, Terengganu dan beberapa buah negeri lagi ditambah pula dengan campurtangan pihak Istana khususnya di negeri Kelantan. Oleh itu percaturan politik dalam UMNO telah membawa suatu suasana politik yang baru di Malaysia dan ini menggalakkan lagi di kalangan orang-orang Melayu. Jesteru itu perkembangan politk mutakhir kini telah mencorakkan dan mempelbagaikan anasir-anasir baru dalam politik Malaysia pada dekad-dekad yang akan datang terutamanya kepada parti-parti politik Malaysia.

## 5.6 Kesimpulan.

Pengkaji telah menganalisa dan membuat beberapa anggapan bahawa responden telah memberi pendapat masing-masing dan memberi beberapa komentar tentang kelemahan dan cara untuk memperbaiki corak kesedaran politik tanahair. Pengkaji juga telah membuat beber pa perbandingan dengan lain-lain. kajian yang dibuat di tempat lain seperti di Perak dan Pulau Pinang. Terdapat perbezaan antara kajian-kajian dengan dua kajian lain. Ini kerana memandangkan kepada realiti masyarakat yang wujud di tempat kajian masing-masing, misalnya dari segi ethnik dan bahasa. Pengkaji merasakan adalah perlu dilakukan kajian-kajian mengenai golongan kelas menengah terutamanya di Malaysia. Memandangkan ianya akan menjadi suatu bidang penyelidikan yang penting pada masa akan datang; Perbezaan dalam kumpulan ethnik dan khususnya perbezaan kelas di kalangan orang Melayu.[43]



University of Malaya

## 6.0 KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP.

### 6.1 Pengenalan.

Pengkaji merasakan segala kajian yang dilakukannya dan perbincangan dalam keputusan-keputusan dari apa-apa yang dapat disimpulkan dengan jelas dan terang. Bermula darikonsep dan teori yang diambil dari ahli sosiologi sama ada zaman dahulu ataupun sekarang telah dibentangkan pada bab 1, 2 dan bab 3 bagi menguatkan hujah-hujah yang berkait secara langsung dengan latihan ilmiah ini.

Sepertimana yang dijelaskan dalam bab kedua, golongan kelas menengah adalah suatu kumpulan kelas sosial yang tidak dapat lari dari suasana kepolitikan dan aktiviti kepartian. Pengkaji juga telah mengemukakan suatu ciri bagi golongan kelas menengah. Antaranya yang paling utama adalah dari segi pendapatannya yang berada antara \$1000.00 hingga \$3000.00. Ini menjadi asas pemilihan para responden kerana ratt-rata asas yang paling mudah bagi mengidentifikasikan berbagai kelas-kelas sosial yang wujud di dalam suatu masyarakat.(44)

Hal ini rata-rata menjadi ciri utama iaitu disamping apa yang telah diperkatakan oleh Raymor.(sila lihat Bab 2).

Dalam masa yang sama pendekatan dalam teori penyelidikan sosial juga digunakan untuk memperolehi maklumat yang penting dari responden. Kaedah sosial yang digunakan seperti yang telah juga disebut dalam bab pertama.

Hasil kajian pengkaji yang telah dibicarakan dalam bab-bab ke 3, 4, dan 5, pengkaji telah memfokaskan kajian hanya kepada soal-soal politik kaum kelas menengah. Tegasnya, pengkajian dijalankan secara khusus kepada soal-soal politik semasa dan penglibatannya ( golongan menengah) dalam sosio-politik.

## 6.2 Cadangan.

Hipotesis yang telah digunakan dalam memperlihatkan masalah-masalah yang timbul, pengkaji ingi mengemukakan beberapa cadangan yang dikira dapat mengatasi masalah-masalah semasa yang dihadapi dalam soal-soal tajuk kes ini;

6.2.1 Para responden kelas menengah sepatutunya diberikan hak-hak politik mereka dalam menentukan arus kepolitikan sebuah negara. Ini kerana golongan kelas menengah terutama yang berkhidmat dengan sektor kerajaan tidak dibenarkan melibatkan diri mereka

secara langsung dalam politik tanahair. Alasan di sini ialah golongan kelas menengah kebanyakannya adalah golongan yang cerdik pandai dan mengetahui serta dapat menilai secara bijak untuk membuat pilihan. Jadi bila golongan ini dibelenggu, maka sudah tentunya merugikan negara.

6.2.2 Isu perkauaman merupakan isu-isu yang begitu sensitif tetapi kebanyakan parti-parti masih menggunakan isu tersebut. Jadi, pengkaji mencadangkan supaya akta isu-isu perkauman yang berbentuk hasutan perlu dipertegaskan terutamanya sewaktu demam pilihanraya.

6.2.3 Konsep politik hendaklah diperluaskan dan diberi peranan penting secara jelas melalui sistem pendidikan dengan memasukkan mata-pelajaran politik ke dalam karikulam pendidikan sekolah di tanahair. Ini kerana masih ramai golongan masyarakat yang tidak memahami tentang politik secara akedemik.

6.2.4 Langkah-langkah untuk memperkukuhkan perpaduan kaum hendaklah berbentuk satu dasar yang berkesan bagi menolak fahaman perkauman yang sempit.

6.3 Pada hemat pengkaji, analisa yang dibuat serta saranan pengkaji wajar dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

6.3 <u>Teknik Membuktikan Fakta.</u>

Teknik-teknik yang digunakan dalam mengumpulkan data melalui temubual, pemerhatian, perpustakaan. Kajian perpustakaan adalah satu metod yang bagi pengkaji sebahagian besar data boleh diambil sebagai satu fenomena membina fakta-fakta.

Pengkaji menganggap teknik seperti yang diterangkan diatas begitu berguna sekali bagi penyelidik dan seharusnya ia dijadikan satu disiplin mencari fakta-fakta sosial.

Secara keseluruhannya, pengkaji mengharapkan agar kajian ini dapat dimanfaatkan untuk kepentingan bersama.

University of Malaya

## NOTA KAKI

1. Chamil Wariya, 'UMNO Era mahathir', Fajar Bakti Ltd. 1988.

2. Kenneth D. Bailey, 'Kaedah Penyelidikan Sosial', Terjemahan Hasyim Awang,DBP, hal 163 - 167.

3. Michael Rush and Philip A Hoff, 'An Introduction to Political Socialogy', (Bristol, Nelson's University Paperbacks, (1971), M.s 3. Lihat juga Robert E. Douse and John A. Huges, 'Political Sociology', (London, John Wiley, ( sons, 1972, ms. 7.

4. Pengkaji beranggapan definisi ini adalah penting untuk memberi gambaran jelas. Untuk mendalam, sila lihat tesisi M.A. di bawah tajuk 'Masyarakat dan Politik di Kampung Padang Luas Terengganu' (1974)

5. Murtadha Mutahari, 'Manusia dan Agama', Pengantar Jalaluddin Rahmat, Al Mizan 1984, hal. 160.

6. King.R and Rayor J. 'The Middle Class the Social Struckture of Modrn Britain, London,' Longmann Inc. 1981, hal 5.

7. Judith,A. Nagata, 'Introduction', op cit dan 'Perception of Social Inquality in Malaysia', dalam Judith A.Nagata.

8. Ibid. hal 133.

9. Berhubung dengan pembahagian dari segi kelas di Kelantan, lihat Clive S. Kesslern, 'Muslim Identity dan Political Behaviour in Kelantan', dalam W.R.Roff.(ed) Kelantan, Society and Politics in Malay state (kl.1974)

10. Diaze K. Mauzy,'politik Malaysia, dalam buku Dasar ilmu Politik, susunan oleh Y. Mansoor Marican.

11. King.R dan Raynor, 'The Middle Class - the social Structure of Modern Britain, London', Longmann Inc. 1981, Helaman.

12. Ibid. hal 43.

13. Untuk lebih jelas, Lihat, Eldridge 'class'.

14. Lihat artikal A. Weinberg dan F. Lyon dalam 'The British Journal of Sociology,',Volume 23, 1972, yang diterbitkan

15. Kong,R. der Raynor. J.Op cit.

16. Ibid, hal 5.

17. Abercrombie, N. dan Urry.J. Op.Cit hal. 1.

18. Ibid

19. Ibid.

20. Johnson. D.L. 'Brown Middle Class', Hal. 13.

21. Nordin Selat, 'Kelas Menengah Pentadbir Melayu; Satu kajian perkembangan gaya hidup ,PH.D. Thesisi. Utusan Melayu (M) Bhd. 1975.

22. Penulis Khas, 'Pilihanraya Umum; Tokoh Muda Bertambah', Dewan Masyarakat, 1986. Hal 16 -17.

23. Political Propaganda, Barlett. F.C, Cambridge University Press, London, 1940. Hal. 5.

24. Berita Harian, 16 Jun 1986.

25. Utusan Malaysia, 30Jun. 1986.

26. Berita Harian, 21 Julai 1986.

27. Muhammad Kamlin, Penghantar Pemikiran Politik Barat', Penerbit Universiti, hal 16.

28. Prof. Miriam Budiardjo, 'Dasar-dasar Politik', Penerbit Gramedia, Jakarta.

29. Rogers F. Soltan, 'An Introduction to Politics ( London, Longmann, 1961, hal.4.

University of Malaya

30. J.Barents, 'Ilmu Politikal; Suatu Pengenalan Lapangan', Terjemahan L.M. Sitorus (Jakarta P.T. Pembangunan 1965) Hal. 23.

31. Dalam kajian ini, pengkaji hanyalahuntuk mendapatkan pandangan golongan kelas menengah terhadap isu ini umum sahja. Untuk lebih jelasssila rujuk buku 'Lutfi Ibrahim, 'Kafir Mengkafir', Penerbitan U.Malaya.

32. Lihat, K.J. Ratnam, 'Fahaman Perkauman dan Proses Politik di Malaya', terjemahan Kasim Ahmad, Penerbitan Universiti Malaya. 1969.

33. Lihat, Tunku Abdul Rahman al Hajj. 'Kuala Lumpur, Utusan Melayu Press (1969), untuk keterangan lanjut.

34. Pengkaji, mengatakan demikian berdasarkandata kajian Jadual4 .D.

35. Lime Persoalan. Penerbitan Alitan Kesedaran Negara.' Pulau Pinang, 1983, hal.50.

36. Awang Had Salleh. 'Pendidikan ke Arah Perpaduan, Sebuah Perspektif Sejarah,' Penerbit Fajar Bakti KL. 1980, hal 139.

37. Mohd. Arif bin Heng, Bab 1, Satu Analisa Isu,Propaganda dari perjuangan Parti Politik dalam Pilihanraya Umum (1986)

38. .K.Hidayat, PAS 1951-1991 (Tercabar-Mencabar) GGE,1986. Hal. 52 - 55.

39. Dr. Firdaus Abdullah, Pensyarah Sains Politik di Jabatan Pentadbiran Awam, Universiti Malaya.

40. Firus,'Impian Barisan Pembangkang', Dewan Masyarakat, Ogos 1986.

41. Chamil Wariya, 'UMNO Era Mahathir', Fajar Bakti, 1988, Hal. 206.

42. Ibid. hal 221.

43. Lihat Judith A.Nagata, 'Introduction' (op cit) dan 'Perception af Social Inegulity in Malaysia', dalam Judith A. Nagata , 'Pluralism in Malaysia'

## BIBLIOGRAFI

**BUKU-BUKU:**


1. Buyong Adil, 'Sejarah Terengganu', DBP, Kuala Lumpur, 1974.

2. J.Barent, 'Ilmu Politik; Suatu Pengenalan Lapangan'. Terjemahan L.M.Sitorus (Jakarta P.T.Pembangunan 1965).

3. Roger F.Soltau, 'An Introduction to Politic', London, Longman, 1961.

4. K.J.Ratnam, 'Faham Perkauman dan Proses Politik di Malaya.' Terjemahan Kasim Ahmad, Penerbitan Universiti Malaya, 1969.

5. A.K.Hidayat, 'PAS 1951 - 1990 (Tercabar Mencabar), GGE, 1986.

6. Chamil Wiraya, 'UMNO Era Mahathir', Penerbit Fajar Bakti, 1988.

7. Judith A.Nagata, 'Introduction' (op cit.) dan 'Perception of Social Inegua1ity in Malaysia', Judith A.Nagata (Pen) 'Pluralism in Malaysia'.

8. Murtadha Mutahari,'Manusia dan Agama, Pengantar, Jalaluddin & Rahmat, Al Mizan, 1984.

9. Barlett F.C. 'Political Propaganda', Cambridge University Press, London, 1940.

10. Awang Had Salleh,'Pendidikan Ke Arah Perpaduan; Sebuah Perspektif Sejarah'. Penerbit Fajar Bakti Sdn. K.L, 1980.

11. Muhammad Kamlin, 'Pengantar Pemikiran Politik Barat', Penerbit Universiti Bangi, 1986.

12. Prof. Miriam Budiardjo, 'Dasar-Dasar Politik', Penerbit Gramedia, Jakarta 1982.


University of Malaya

13. Michael Stenson, 'Class, Race and Colonialism in West Malaysia', The Indian Case, University of Queensland Press, 1980.

14. 'Lima Persoalan', Terbitan Aliran Kesedaran Negara, Pulau Pinang, Malaysia, 1983.

15. Tunku Abdul Rahman al Hajj,'Before and After 13Mei' Kuala Lumpur,(1969).

16. Michael Rush dan Philip Alloff, 'An Introduction to Political Sociology', (Bristol, Nelson's University Paperbacks. 1971.

RENCANA-RENCANA:

1. Firus, 'Impian Barisan Pembangkang', Dewan Masyarakat' 1986.

2. Khoo Kay Kim, 'Kuala Terengganu; International Trading Centre', Malaysia in History. Vol 17, No.2, Disember 1974.

LATIHAN ILMIAH:

1. Ubaidah Hj. Yaakub, 'Latarbelakang sosio-ekonomi Pegawai Melayu Dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik', Latihan ilmiah untuk mendapatkan B.A. Jab. Pengajian Melayu, Universiti Malaya., 1973.



University of Malaya

3. Shamsuddin Ahmad, 'Cara Hidup Kelas Menengah Melayu', Latihan Ilmiah untuk mendapatkan B.A, Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1971/1972.

4. Mohammad Salleh Abdul Jadid,'Pilihanraya, Academic, Exersice', Untuk mendapatkan B.A, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya 1968.

5. Husein Mohammad, 'Masyarakat dan Politik di Kampung Padang Luas, Terengganu', Tesis M.A. 1974.

University of Malaya